

KOLEKSI ARTIKEL HARIAN METRO



**BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKASURAT
1.	<u>SELAMAT JIKA IKUT ARAHAN DOKTOR</u>	5
2.	<u>PASTIKAN UBAT ANDA BERDAFTAR</u>	6
3.	<u>RISIKO BELI UBAT SECARA ONLINE</u>	7
4.	<u>FAHAM LABEL UBAT</u>	8
5.	<u>AWAS UBAT TRADISIONAL ADA RACUN BERJADUAL</u>	9
6.	<u>UBAT BIASA BOLEH ANCAM JANIN</u>	10
7.	<u>BAHAYA UBAT TIDAK BERDAFTAR</u>	11
8.	<u>RUJUK DOKTOR SEBELUM PUASA</u>	12
9.	<u>UBATAN KETIKA PUASA</u>	13
10.	<u>PASTIKAN SUPLEMEN SELAMAT</u>	14
11.	<u>DOS UBAT PESAKIT DIABETES PUASA</u>	15
12.	<u>BEKALAN UBAT KETIKA PERJALANAN, BERCUTI</u>	16
13.	<u>BAHAYA PELANGSING SIBUTRAMINE</u>	17
14.	<u>KETAHUI INTERAKSI UBAT-UBATAN</u>	18
15.	<u>INOVASI PENDISPENSAN UBAT MUDAHKAN PESAKIT</u>	19
16.	<u>AWAS SUNTIKAN VITAMIN C TAK BERDAFTAR</u>	20
17.	<u>TIP ELAK TERSILAP AMBIL UBAT</u>	21
18.	<u>UBAT GENERIK PULA DIDAFAR</u>	22
19.	<u>KESAN AMBIL UBAT TAHAN SAKIT</u>	23
20.	<u>RISIKO PENGGUNAAN BERLELUASA ANTIBIOTIK</u>	24
21.	<u>UBAT DAN WARGA EMAS</u>	25
22.	<u>REALITI VS FANTASI</u>	26
23.	<u>SIMPAN UBAT SECARA SISTEMATIK</u>	27
24.	<u>FAHAMI FUNGSI UBAT BANTU PEMATUHAN TERAPI</u>	28
25.	<u>KESAN BERBAHAYA PRODUK JAMU</u>	29
26.	<u>GOUT TAK BOLEH DIRAWAT SENDIRI</u>	30
27.	<u>NIKMAT SEMENTARA, SENGSA SELAMANYA</u>	31
28.	<u>PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM SUKAN</u>	32
29.	<u>TIP MUDAH TELAN UBAT</u>	33
30.	<u>SYARAT IMPORT PRODUK UBAT-UBATAN</u>	34
31.	<u>PILIH UBAT DALAM TEMPOH PENYUSUAN BAYI</u>	35
32.	<u>EKZEMA ATOPI 'SERANG' BAYI</u>	36
33.	<u>SELAMATKAH UBAT ANAK ANDA?</u>	37
34.	<u>POLIFARMASI: APA PERLU ANDA TAHU?</u>	38
35.	<u>BAHAYA SALAH GUNA UBAT CERAH KULIT</u>	39
36.	<u>PROGRAM PEMULANGAN UBAT KE FARMASI</u>	40
37.	<u>PENGGUNAAN UBAT STEROID</u>	41
38.	<u>UBAT ANTASID KURANGKAN SAKIT PERUT</u>	42
39.	<u>PASTIKAN MAKLUMAT JITU SEBELUM GUNA PENCERAH KULIT</u>	43
40.	<u>BAHAN CEMAR PALSU DALAM UBAT KUAT</u>	44
41.	<u>SEMULA JADI TIDAK BERMAKNA SELAMAT</u>	45

42.	<u>PENTINGNYA PRODUK VITAMIN, MINERAL TAMBAHAN</u>	46
43.	<u>USAH TERJEBAK SINDROM 3 'P'</u>	47
44.	<u>KOLAGEN: ANTARA FAKTA DAN AUTA</u>	48
45.	<u>AMBIL VITAMIN IKUT KEPERLUAN BADAN</u>	49
46.	<u>KESAN PENGAMBILAN UBAT HORMON</u>	50
47.	<u>BAHAYA HIDU UBAT SEMBUR KEBAS</u>	51
48.	<u>UBAT TIRUAN MUDARAT KESIHATAN</u>	52
49.	<u>PASTIKAN KESERASIAN PRODUK SUPLEMEN</u>	53
50.	<u>WASPADA ELAK KERACUNAN UBAT</u>	54
51.	<u>WASPADA KESAN SAMPINGAN SELEPAS AMBIL UBAT</u>	55
52.	<u>PATUHI DOS BETUL ELAK MASALAH</u>	56
53.	<u>FAHAMI TEKNIK PENGGUNAAN INHALER</u>	57
54.	<u>PENGAMBILAN UBAT DI BULAN PUASA</u>	58
55.	<u>PATUHI DOS, SELANG MASA</u>	59
56.	<u>ELAK PRODUK GUNA YOHIMBINE</u>	60
57.	<u>BERITAHU AHLI FARMASI JIKA AMBIL SUPLEMEN</u>	61
58.	<u>BOLEH PUASA WALAU GASTRIK</u>	62
59.	<u>UBAT JUGA BOLEH DATANG MUDARAT</u>	63
60.	<u>WAKTU SESUAI MAKAN UBAT</u>	64
61.	<u>KESAN BURUK SUNTIKAN VITAMIN C</u>	65
62.	<u>SIMPAN UBAT DENGAN BETUL</u>	66
63.	<u>PENGAMBILAN INSULIN KETIKA BERPUASA</u>	67
64.	<u>KEPATUHAN KEPADA UBAT ANDA</u>	68
65.	<u>CARA BERI UBAT KEPADA ANAK</u>	69
66.	<u>AMBIL PARACETAMOL IKUT DOS DISARANKAN</u>	70
67.	<u>TEMBERANG IKLAN UBAT SAPU</u>	71
68.	<u>JENIS SERTA KAEDAH PENCEGAH KEHAMILAN</u>	72
69.	<u>FAKTA, MITOS UBAT GENERIK</u>	73
70.	<u>SJW ADA KESAN SAMPINGAN</u>	74
71.	<u>KESAN TERAPUTIK. TOKSIKOLOGI RAWATAN HERBA</u>	75
72.	<u>KOSMETIK SINTETIK, SEMULA JADI</u>	76
73.	<u>BOLEHKAH UBAT BIJI DIPOTONG ATAU DIHANCURKAN?</u>	77
74.	<u>PROSES SEDIA, SERAH UBAT</u>	78
75.	<u>ANTIEPILEPTIK KAWAL SAWAN</u>	79
76.	<u>KAJIAN SAINTIFIK GINGKO</u>	80
77.	<u>GLUTATHIONE DALAM PEMUTIHAN KULIT</u>	81
78.	<u>KESAN SAMPINGAN KERINTANGAN ANTIBIOTIK</u>	82
79.	<u>JANGKITAN, RAWATAN KUTU RAMBUT</u>	83
80.	<u>BEBASKAN DIRI DARIPADA NIKOTIN</u>	84
81.	<u>RISIKO BELI UBAT MELALUI INTERNET</u>	85
82.	<u>REALITI DAN FANTASI IKLAN UBAT</u>	86
83.	<u>BAHAYA ANAK BERKONGSI UBAT</u>	87
84.	<u>BACA DAN FAHAM LABEL UBAT</u>	88

85.	<u>BAHAYA UBAT PERANGSANG SEKS</u>	89
86.	<u>WARFARIN UBAT HALANG DARAH BEKU</u>	90
87.	<u>SISA UBAT BOLEH CEMAR ALAM</u>	91
88.	<u>BAHAYA AMBIL TESTOSTERON TANPA PRESKRIPSI</u>	92
89.	<u>BAHAYA KOSMETIK BERCAMPUR RAKSA</u>	93
90.	<u>FAHAMI KEPATUHAN MAKAN UBAT</u>	94
91.	<u>ASAM GELUGOR TAK KURUSKAN BADAN</u>	95
92.	<u>TIADA BUKTI GANJA BAIK UNTUK PERUBATAN</u>	96
93.	<u>OPTIMUM KESAN PIL PERANCANG</u>	97
94.	<u>PERLU PATUH RAWATAN TIBI</u>	98
95.	<u>MAKLUMAT KESIHATAN DI HUJUNG JARI</u>	99
96.	<u>PANDUAN AMBIL UBAT KETIKA MENYUSU</u>	100
97.	<u>PASTIKAN UBAT OTC BERDAFTAR DENGAN KKM</u>	101
98.	<u>BACA LABEL SETIAP KALI SEBELUM AMBIL UBAT</u>	102
99.	<u>GARAM HIDRASI RAWATAN MUDAH CIRIT BIRIT</u>	103
100.	<u>MENANGKIS MITOS RAWATAN METHADONE</u>	104
101.	<u>BAHAYA SALAH GUNA MISOPROSTOL</u>	105
102.	<u>PERANAN UBAT TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI</u>	106
103.	<u>PENGAMBILAN UBATAN KETIKA RAMADAN</u>	107
104.	<u>PESAKIT DIABETES PERLU AWASI PARAS GULA KETIKA PUASA</u>	108
105.	<u>GLUCOSAMINE SERTA KEGUNAANNYA</u>	109
106.	<u>KESAN ADVERS UBAT BATUK TERHADAP BUDAK</u>	110
107.	<u>USAH BERLEBIHAN AMBIL SUPLEMEN</u>	111
108.	<u>USAH TINGGAL UBAT KETIKA BERAYA</u>	112
109.	<u>RISIKO SALAH GUNA UBAT TAHAN SAKIT</u>	113
110.	<u>PENAWAR DERITA PENGHIDAP INSOMNIA</u>	114
111.	<u>BAHAYA BELI UBAT DALAM TALIAN</u>	115
112.	<u>PENTING AMALAN KESELAMATAN PENGUBATAN</u>	116
113.	<u>KESAN BURUK DOPING TIDAK HANYA DI PADANG</u>	117
114.	<u>PERSEDIAAN UBAT JEMAAH HAJI</u>	118
115.	<u>KENAL PASTI FARMASI INTERNET YANG SAH</u>	119
116.	<u>MABUK PERJALANAN DAN RAWATAN UBAT-UBATAN</u>	120
117.	<u>HATI-HATI UBAT JERAWAT BOLEH CETUS ALAHAN</u>	121
118.	<u>BAHAYA SALAH GUNA PRODUK PENCERAH KULIT</u>	122
119.	<u>PILIHAN UBAT UNTUK MERAWAT KETUAT</u>	123
120.	<u>PENGAMBILAN UBAT-UBATN G6PD</u>	124

Selamat jika ikut arahan doktor



Apa itu ubat?

Setiap orang boleh jatuh sakit, tetapi ada pelbagai cara untuk kita pulih semula. Antaranya dengan pengambilan ubat. Namun, adakah kita benar-benar mengenali ubat yang diambil?

Sebenarnya, ramal tidak pasti dengan ubat-ubatan diambil kerana wujud lambakan di pasaran. Berdasarkan kajian peringkat kebangsaan kali kedua 'A National Survey on Use of Medicines' (NSUM II) yang dijalankan pada 2012, hanya separuh iaitu 56.6 peratus pengguna ubat di Malaysia tahu menggunakan ubat secara betul dan berkualiti.

Mengikut definisi, ubat adalah bahan kimia yang digunakan untuk mengawal, merawat atau mencegah penyakit. Di Malaysia, ubat-ubatan dikawal penggunaan, penjualan dan pengagihannya melalui Akta Racun 1952.

Secara umumnya, ubat selamat

dan semakan label hologram MeditagTM menggunakan alat dekoder Meditag di farmasi.

Untuk mem-

hami kate-

gori ubat me-

ngikut perun-

dangan dengan

lebih lanjut, ia

boleh dibaha-

gikan kepada ka-

tegori ubat am dan

ubat terkawal.

Ubat am ialah ubat

yang boleh dibeli dari-

pada farmasi dan kedai

biasa seperti ubat demam (Parace-

tamol) dan vitamin.

Ubat terkawal pula terbahagi

kepada dua iaitu ubat dengan pre-

skripsi (slip ubat) yang boleh dipe-

roleh hanya melalui doktor atau ahli

farmasi, contohnya ubat-ubatan

untuk rawatan hipertensi dan an-

tibiotik, manakala ubat tanpa pre-

skripsi pula boleh diperolehi dari

pada ahli farmasi tanpa preskripsi

seperti ubat selesoma, batuk dan

krim keagatalan kulit.

Apabila membincangkan men-

genal ubat, terus terlintas dalam

bentuk biji tetapi hakikatnya ubat mempunyai pelbagai bentuk dosel.

Pengguna perlu mengetahui ke-

dose setiap ubat yang diambil ke-

ran ia berkait rapat dengan cara

pengambilan atau penggunaannya

dalam mengawal kesihatan, me-

rawat atau mencegah sesuatu pe-

nyakit.

Antara bentuk dosel ialah tablet,

kapsul, ubat minum, ubat sapu, ubat

sedut, ubat suntikan, ubat titisan

atau salap mata, ubat titisan atau

semburan hidung dan ubat sisipan

apa yang berfaku, ramal keliru un-

tuk mengenal pasti nama sesuatu

ubat.

Nama generic adalah nama ki-

mia atau nama bahan aktif ubat

yang diguna pakai di seluruh du-

nia, manakala nama dagangan atau

nama talah yang diberi syarikat

pengeluar atau pengilang ubat.

Oleh itu, pengguna digalakkan

mengetahui nama generic ubat dan

bukan nama dagangan untuk me-

ngelak kekeliruan ketika ingin

mengambil atau menggunakan

ubat.

Bukan saja nama dagangan atau

nama ubat akan berlainan darija-

da setiap pengeluar, malah bentuk dan warna ubat juga berbeza.

Justeru, mengetahui nama ge-

nerik atau nama tuhan aktif ubat

boleh mengelak terambil ubat salah

atau mengambil dua ubat sama teta-

pi berbeza warna dan nama jenama.

Tempat simpanan ubat juga penting

bagi memastikan ia dalam keadaan

baik.

Elak simpan di dalam bilik man-

di, dekat sinki, atas tingkap atau

dalam kereta kerana suhu dan ke-

lembapan yang tidak sesuai boleh

merosakkan ubat.

Jika masih keliru atau ada per-

tanyaan berkaitan ubat-ubatan,

pengguna boleh menghubungi Pu-

sat Panggilan Farmasi Kebangsaan

di Hospital Kuala Lumpur (HKL)

menurut talian 1800 88 6722.

Waktu operasi pusat panggilan

ini dari 8 pagi hingga 5 petang. Se-

lain itu, pengguna boleh menyam-

paikan soalan ke e-mel pharma-

cy@mh.gov.my

Artikel ini disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

Metro Ahad

11 MEI 2014 •

Pastikan ubat anda berdaftar



Kita mengambil ubat dengan preskripsi untuk menangani masalah kesihatan, manakala produk suplemen pula sebagai tambahan kepada nutrisi harian. Namun, pernahkah kita fikirkan sama ada produk berkenaan selamat?

Kadangkala kita ter-baca berita mengenai ubat atau produk suplemen yang mendatangkan kesan buruk kepada pengguna. Mengapakah perkara ini berlaku?

Adakah tiada pihak berkuasa mengawasi perkara itu dan siapa bertanggungjawab terhadap keselamatan ubat dan suplemen kesihatan di pasaran?

Semua ubat dan produk kesihatan perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, Malaysia (KKM), manakala produk kosmetik perlu dinotifikasi sebelum dipasarkan.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) adalah agensi bertanggungjawab dalam memastikan

kualiti, keberkesanan dan keselamatan ubat, produk kesihatan dan kosmetik.

BPFK membabitkan enam pusat yang menjalankan pelbagai tugas spesifikasi bagi memastikan ubat dan produk kesihatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan untuk digunakan.

Pengguna juga bertanggungjawab memastikan produk digunakan selamat dengan memeriksa terlebih dahulu produk yang digunakan berdaftar dengan KKM.

Produk berdaftar perlu dilabel dengan nombor pendaftaran unik yang bermula dengan MAL dan diikuti dengan lapan nombor siri dan diakhiri dengan satu huruf.

Setiap huruf merujuk kepada klasifikasi produk itu. Label A bermaksud preskripsi, label X bermaksud bukan preskripsi, manakala label T bermaksud tradisional.

Selain nombor pendaftaran, produk, pengguna boleh memastikan ketulenan produk dengan melihat pada hologram Meditag pada label di luar kotak produk.

Hologram Meditag adalah pelekat bersinar berwarna perak yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Bagi membolehkan pengguna memeriksa ketulenan label hologram Meditag pada kotak ubat, KKM membekalkan sejenis peranti dinamakan dekoder Meditag.

Alat ini dibekalkan kepada semua premis farmasi berlesen dan pejabat Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di setiap negeri.

KKM menitikberatkan keselamatan pengguna. Jika ada pertanyaan atau kemusykilan berkaitan pendaftaran ubat, produk kesihatan, dan kosmetik pengguna, anda boleh menghubungi pegawai Helpdesk BPFK di talian 03-7883 5560 atau 03-7883 5561. Waktu panggilan dari jam 8 pagi hingga 5 petang.

Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat di laman web rasmi BPFK iaitu www.bpfk.gov.my serta laman Facebook BPFK.

DISEDIAKAN Bahagian
Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan
Malaysia.

Risiko beli ubat secara online

Perkembangan sains dan teknologi memberi peluang dan kaedah baru kepada peniaga untuk memasarkan produk mereka, terutama melalui media sosial dan laman web.

Pengguna tidak perlu bersusah payah untuk keluar membeli kerana kini semua pembelian boleh dibuat secara atas talian.

Bagaimana pun, pengguna membeli ubat dan produk kesihatan melalui Internet terdedah kepada bahaya kerana status sebenar produk dan penjualnya tidak dapat disahkan.

Kebanyakan iklan dalam Internet mempromosi produk berkenaan memaparkan testimoni dan tuntutan perubahan yang segera

direka tanpa asas dan tidak berlandaskan kepada bukti saintifik untuk menyokong dakwaan mereka.

Ubat dan produk kesihatan dijual melalui Internet diragui kerana status keselamatan, kualiti dan keberkesanananya tidak dapat dipastikan.

Kemungkinan produk adalah palsu atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pengguna tidak mendapat khidmat nasihat lengkap mengenai penggunaan ubat dan produk kesihatan itu.

Produk palsu dan tidak berdaftar mungkin dihasilkan di premis tidak berlesen yang tidak menyedaikan persekitaran bersih dan

tidak mematuhi Amalan Pengilangan Baik (GMP) seperti diterangkan pihak berkuasa.

GMP adalah kriteria yang perlu dipatuhi dalam penghasilan semua produk farmaseutikal dan produk tradisional. Produk dihasilkan oleh pengeluar yang tidak mematuhi GMP terdedah kepada pencemaran kuman dan logam berat seperti merkuri, arsenik, kadmium atau plumbum.

Bahan ini menyebabkan pengguna terdedah kepada bahaya seperti kerosakan buah pinggang dan boleh membawa maut.

Pengguna juga tidak dibenar membeli produk ubat dari laman web luar negara yang kemudian dihantar melalui pos atau perkhid-

matan kurier ke negara ini.

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan dan merampas produk tidak berdaftar yang diimport masuk ke negara ini.

Pegawai penguat kuasa farmasi ditempatkan di semua pintu masuk kastam, termasuk di pusat mel dan kurier, untuk memantau dan menyaring pengimportan ubat kusan disyaki mengandungi ubat tidak berdaftar.

Semua produk farmaseutikal di Malaysia, termasuk produk dari luar negara, perlu berdaftar dengan KKM sebelum dipasarkan kepada pengguna.

Produk berdaftar mempunyai

dua ciri, iaitu nombor pendaftaran (contoh: MAL20085264A) dan hologram meditag. Produk berdaftar dinilai dari segi kualiti, keberkesanan dan keselamatannya sebelum dijual kepada pengguna.

Pengguna boleh menyemak status pendaftaran semua produk ubat di portal rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), di www.pharmacy.gov.my.

Semakan paling mudah adalah dengan memasukkan nama produk atau nombor pendaftaran. Jika produk itu berdaftar, maklumat produk dan status pendaftarannya akan dipaparkan.

DISEDIAKAN: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

FAHAM!

Label ubat



Penggunaan ubat yang betul mengikut nasihat ahli farmasi dan arahan doktor penting bagi mendapatkan rawatan berkesan dan selamat. Semua informasi penting berkaitan penggunaan ubat ada pada labelnya.

Tidak membaca label ubat dengan betul boleh mengundang pelbagai masalah. Lebih-lebih lagi dalam kes membabitkan pengambilan ubat dalam kalangan kanak-kanak, atau pesakit kronik yang mengambil pelbagai jenis ubat.

Antara masalah berkaitan berlaku adalah kekeliruan berkaitan dos dan masa pengambilan ubat. Pengambilan ubat berlebihan dos, masa pengambilan ubat kurang tepat, pengambilan ubat salah dan pengambilan ubat untuk individu lain adalah contoh kesilapan yang boleh berlaku.

Perkara ini kerap terjadi dalam sesebuah keluarga yang mempunyai lebih daripada seorang anak mahupun mempunyai ramai ahli yang duduk sebumbung.

Jawapan bagi semua permasalahan ini masalah di atas ada pada label setiap ubat iaitu maklumat berkaitan dos dan cara pengambilan ubat. Baca dengan teliti dan fahami dos diperlukan serta masa paling sesuai untuk mengambilnya.

Situasi kesilapan dalam pengambilan ubat-ubatan sebenarnya boleh dielak jika label ubat dibaca dengan teliti. Pemahaman label ubat dengan tepat membantu pengambilan ubat dengan betul dan selamat.

Ada masanya ubat dibekalkan bukan dalam sampul plastik. Mungkin kita menerima atau membeli ubat dalam bungkusan berbentuk kotak atau botol. Pelbagai maklumat juga ada pada label di kotak bungkusan ubat atau botol itu.

Pengguna digalakkan mengetahui nama generik ubat dan bukan nama dagangan ubat untuk mengelak kekeliruan. Namun masih ramai tidak faham dan keliru dengan nama sebenar sesuatu ubat.

Nama penuh ubat perlu dalam nama generik, bukan nama dagangan. Nama generik adalah nama kimia atau nama bahan aktif ubat yang diguna pakai di seluruh dunia.

Misalnya, 'Paracetamol' adalah nama generik ubat, nama dagangan atau jenama pula diberi syarikat pengeluar atau pengilang ubat dan ia berbeza daripada satu pengeluar ke pengeluar lain.

Justeru, pengguna ada hak untuk mengetahui nama generik ubat yang diambil atau dibekalkan. Jika anda menerima sampel ubat yang tertulis nama ubat seperti ubat demam, ubat tahan sakit atau ubat sendi, anda berhak meminta nama ubat itu ditulis dalam nama generik atau bahan aktif ubat bagi mengelak kekeliruan atau kesilapan pengambilannya.

Akhir sekali, maklumat mengenai tarikh luput juga boleh didapati pada label ubat anda. Tarikh luput pada produk ubat-ubatan hanya sah selagi ia disimpan dalam bekas asai, tertutup dan mengikut cara penyimpanan diarah pengilang.

Ada juga ubat menjadi pendek tarikh luputnya selepas dibuka dan semua perkara ini dinyatakan pada label ubat.

ARTIKEL ini disediakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan

Metro Ahad | **Xpresi** | **E29**
1 JUN 2014



UBAT tradisional daripada herba juga beracun.

Awas ubat tradisional ada racun berjadual

Penggunaan produk tradisional sebagai alternatif kepada ubat-ubatan moden semakin menjadi pilihan kerana produk tradisional dikatakan lebih selamat, kurang atau tiada kesan sampingan dan boleh membantu proses pemulihan secara semula jadi.

Produk tradisional sering digunakan untuk mengubati penyakit sendi, selesama, batuk, untuk kesihatan lelaki dan mengurangkan berat badan.

Produk yang diklasifikasikan sebagai tradisional ialah produk kesihatan yang tidak mengandungi atau hanya mengandungi racun berjadual dalam kuantiti kecil (wujud secara semula jadi daripada tumbuh-tumbuhan).

Kuantiti racun berjadual yang dibenarkan dalam produk tradisional haruslah berada dalam had ditetapkan oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK). Produk tradisional, selain mengandungi sumber tumbuh-tumbuhan, juga mengandungi sumber mineral dan haiwan.

Campur palsu produk tradisional berlaku apabila produk dicampurkan dengan racun berjadual untuk memberi kesan segera kepada pengguna. Kesan segera ini akan menarik minat pengguna dan seterusnya melariskan produk dalam waktu yang singkat.

Pengeluar produk ini sering mengambil pengguna dengan iklan yang menarik, disertakan dengan testimoni pengguna. Selain itu, ayat tarikan atau 'tagline' yang menunjukkan penggunaan produk boleh memberi kesan cepat tanpa kesan sampingan juga digunakan.

Produk tradisional biasanya dipasarkan secara jualan langsung, Internet, kedai produk kesihatan dan di kaki lima, yang paling popular sudah pasti melalui laman sosial seperti Facebook dan Instagram.

Penggunaan produk tradisional yang dicemari racun berjadual ini boleh menyebabkan kesan mudarat yang serius. Kuantiti racun yang dicampurkan tidak dikawal. Tiada sebarang ujian makmal dijalankan oleh pengeluar untuk memastikan produk tradisional yang dicemari racun ini selamat dan berkualiti.

Sebagai contoh, produk tradisional tidak berdaftar bernama Figure Up yang dilabelkan sebagai selamat dan 100 peratus semula jadi, dikesan mengandungi racun berjadual Sibutramine. Kesan penggunaan ubat ini menyebabkan kesan mudarat serius kepada pengguna seperti mengalami sawan dan pendarahan ulser duodenal.

Satu kes terkini membabitkan produk tradisional, Majun Dua Is timewa, apabila Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan BPFK menerima 24 laporan kesan mudarat seperti peningkatan berat badan, peningkatan enzim hati mengakibatkan beberapa penyakit berkaitan hati, kegagalan buah pinggang berfungsi secara akut.

Penyakit lain seperti Cushing's Syndrome, muka membengkak, kegatalan dan alergi, peningkatan kadar kolesterol, sakit kepala, sakit perut, najis berdarah, muntah, sakit dada, tulang rapuh, sesak nafas, jangkitan kuman dan gangguan perjalanan darah pesakit.

Hasil ujian oleh BPFK mendapati produk ini mengandungi dexamethasone iaitu sejenis kortikosteroid yang dikawal di bawah Akta Racun 1952. Maklumat lanjut mengenai produk tradisional yang dicampur palsu boleh diperolehi melalui laman sesawang, www.pharmacy.gov.my dan portal bpfk.gov.my.

Bagi memberi kesan penggunaan yang optimum serta pelbagai kelebihan kepada pengguna, ada produk tradisional dicampur palsu dengan lebih daripada satu jenis racun berjadual. Antara kombinasi racun berjadual popular ialah Chlorpheniramine-Dexamethasone dan Paracetamol-Phenylbutazone. Kombinasi racun berjadual boleh mencecah empat jenis racun berjadual berlainan dalam satu produk.

Bagi mengelakkan penggunaan produk tradisional dicemari bahan campur palsu, pengguna perlu bijak memilih produk yang dibeli. Elakkan diri daripada terpengaruh dengan agenda penjual produk terlarang ini.

Artikel ini disediakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

E28 | Sihat

Metro Ahad
8 JUN 2014

Ubat biasa boleh ancam janin

Ibu hamil lemah daya tahan elok bincang ahli farmasi



BINCANG dengan doktor sebelum ambil ubat.

Pada November 1956, ubat bernama thalidomide dipasarkan untuk tujuan sedatif, selesema, gangguan tidur, senggugut dan tahan muntah.

Namun, selepas enam tahun di pasaran, penjualan dan penggunaan ubat ini diharamkan kerana didapati boleh mengakibatkan kecacatan kepada bayi dilahirkan.

Tiada yang lebih penting bagi ibu hamil daripada kesihatan dan keselamatan anak dikandung. Selepas kejadian thalidomide, semua ubat yang digunakan ketika kehamilan diberi perhatian dan pengawasan ketat.

Pelbagai faktor menyumbang kepada penggunaan ubat ketika hamil. Biasanya wanita akan mengalami kemerosotan daya tahan badan dan mudah mendapat penyakit biasa seperti demam, selesema, batuk atau penyakit ringan lain, terutama sewaktu awal kehamilan.

Dalam tempoh tiga bulan pertama kehamilan (trimester pertama), organ janin berkembang. Dalam tempoh ini, janin sensitif kepada ubat-ubatan dan boleh mengakibatkan kecacatan kongenital.

Sesetengah ubat boleh menyebabkan sama ada keguguran atau bayi yang dilahirkan cacat. Ubat ini dikenali sebagai teratogen.

Kesan ubat teratogen pula bergantung kepada jumlah dan masa diambil oleh wanita hamil. Secara umumnya, risiko buruk terhadap janin meningkat apabila jumlah diambil dan kekerapan pengambilan meningkat. Oleh itu, ubat hanya diberi kepada wanita hamil jika perlu dan dalam jumlah (dos) minimum.

Dalam tempoh kehamilan, menggunakan ubat adalah satu pilihan. Mungkin ada sedikit perbezaan keputusan untuk menggunakan ubat ketika tempoh kehamilan berbanding sewaktu tidak hamil.

Sebagai contoh, jika wanita hamil mengalami selesema,



mungkin lebih baik memilih tidak mengambil ubat berbanding amalan biasa ketika tidak hamil.

Bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, wanita hamil perlu mengambil ubat untuk menyembuh atau mengawal penyakit seperti dalam rawatan angkitan kuman pada pundi kencing, asma, kencing manis atau darah tinggi.

Ubat juga diperlukan dalam keadaan loya dan muntah yang teruk, risiko keguguran kandungan atau kelahiran prematur.

Ibu hamil perlu berbincang dengan pengamal perubatan mahupun ahli farmasi sebelum mengambil sebarang jenis ubat, vitamin, produk herba, termasuk makanan tambahan, atau sebarang suplemen yang dibeli di Internet.

Perlu ditingatkan supaya jangan

berhenti mengambil ubat yang diberi pengamal perubatan kepada anda melainkan disuruh berbuat demikian ketika anda hamil.

Bincang bersama pengamal perubatan atau ahli farmasi berkaitan manfaat mengambil sesuatu ubat itu dan kesan terhadap perkembangan bayi dalam kandungan.

Jika masih keliru atau ada pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, pengguna boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800-88-6722.

ARTIKEL disediakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Bahaya ubat tidak berdaftar



Semua ubat di negara ini dan yang dibawa masuk dari luar negara perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan sebelum dijual kepada pengguna. Ubat berdaftar ada nombor pendaftaran seperti MAL 20091564T dan label hologram Meditag.

Ubat yang tidak berdaftar di bawah PBKD tidak dinilai keselamatan dan kualiti keberkesannya kepada pengguna. Ubat terbabit dikelaskan sebagai tidak berdaftar jika tiada nombor pendaftaran MAL dan hologram Meditag serta mempunyai nombor pendaftaran dan hologram Meditag palsu.

Pengguna boleh menyemak status pendaftaran semua produk ubat dengan memasukkan nama

produk atau nombor pendaftaran di laman web rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) iaitu www.pharmacy.gov.my.

Jika ubat itu berdaftar, maklumat produk dan status pendatarannya akan dipapar. Pastikan maklumat di portal sama dengan yang tertera pada bungkusan ubat.

BPF membekalkan sejenis alat dinamakan dekoder Meditag yang membolehkan pengguna memeriksakan ketulenan label hologram pada kotak ubat.

Orang ramai boleh memeriksa ketulenan label hologram menggunakan alat itu yang dibekalkan di semua premis farmasi, hospital kerajaan atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara.

Ubat tidak berdaftar diragui dari segi kualiti dan keselamatannya kepada pengguna. Biasanya ia dihasilkan secara pengilangan tidak bersih, tiada kawalan mutu serta persekitaran yang tidak terkawal sehingga memungkinkannya pencemaran kuman atau kehadiran lo-

gam berat dalam bahan mentah boleh berlaku.

Ubat mengandungi logam berat dan bahan asing tinggi boleh merosakkan buah pinggang. Ubat tidak berdaftar juga kerap dicampur bahan racun perangsang seks seperti sildenafil, tadalafil dan verdanafil serta bahan pelangsing badan iaitu sibutramine yang boleh menyebabkan kematian mengejut dan gangguan mental jika diambil tanpa pengawasan doktor.

Antara ubat tidak berdaftar yang sering dijual adalah untuk rawatan sendiri seperti ubat demam, ubat tradisional, ubat titis mata dan minyak angin.

Aktiviti penguatkuasaan dilakukan dari semasa ke semasa bagi membendung aktiviti pemasaran ubat tidak berdaftar di Malaysia.

DISEDIAKAN: Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan

Rujuk doktor sebelum puasa



Bagi umat Islam, ketibaan Ramadan dinanti-nantikan. Namun banyak berlaku kemusykilan di kalangan pesakit berkaitan batal atau tidak puasa jika mengambil atau menggunakan ubat ketika berpuasa.

Ada pesakit mengubah cara pengambilan ubat sepanjang bulan puasa tanpa merujuk kepada doktor terlebih dulu.

Lebih membimbangkan, segelintir pesakit langsung tidak mengambil ubat ketika berpuasa kerana khuatir batal puasa jika mengambil ubat.

Amalan tidak mengambil ubat langsung atau berhenti mengambil ubat ketika berpuasa sangat membimbangkan, terutama di kalangan pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan asma.

Bagi menyelesaikan kemusykilan dalam kalangan pesakit yang berpuasa, berikut adalah maklumat penting untuk mereka fahami berkenaan status batal atau tidak batal puasa jika mengambil ubat pada Ramadan.

DISEDIAKAN: BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, KKM

Penggunaan Ubat Yang Tidak Membatalkan Puasa



Ubat telinga, mata, hidung dan telinga (dengan syarat tidak sampai keatas pengendang telinga)



Tablet sublingual (bawah lidah); dengan syarat diletakkan di bawah lidah dan tidak ditelan



Semua bentuk suntikan



Ubat jenis sapuan (krim atau salap) dan plaster



Ubat kumur



Ubat sembur hidung (dengan syarat tidak disedut)



Ubat busu setempat dan busu separuh

Penggunaan Ubat Yang Membatalkan Puasa

Ubat biji



Ubat minum



Inhaler (ubat sedut)



Pesari (ubat yang dimasukkan ke dalam vagina termasuk prosedur cucian)



Ubat yang dimasukkan ke dalam dubur (suppositori dan enema)



Ubat busu menyeluruh (yang melibatkan gas)



E28

Sihat

29 JUN 2014

Metro Ahad

29 JUN 2014

Ubatan ketika puasa





UBAT

Berpau berpuasa tidak diwajibkan kepada yang sakit atau uzur, malah ramai umat Islam berhasrat memu-
nakan anggotanya ini.

Situasi ini boleh menimbulkan masalah kepada yang sakit atau uzur yang memerlukan pengam-
bilan ubat secara berterusan se-
perti pesakit penyakit kronik.

Bagi golongan pesakit seperti
ini, mereka perlukan pengubah-
suaian terhadap masa pengam-
bilan ubat atau tidak digalakkan
berpuasa jika memudaratkan ke-
sehatan.

Justeru, pesakit kronik perlu
mendapatkan pandangan penga-
mal perubatan atau ahli farmasi
mengenai pengambilan ubat me-
reka.

Mereka juga dinasihatkan
mendengar pandangan ahli fiqah
berkaitan perkara membabitkan
hukum dan ibadat berpuasa da-
lam keadaan sakit atau uzur.

Pesakit harus peka status ke-
sehatan mereka dan bersedia

berbuka puasa jika keadaan
memerlukan kerana jika dibe-
ruskan berpuasa akhirnya me-
murahkan kesihatan diri.

Maklumat diberi adalah se-
bagai panduan sah. Mungkin ada
perbezaan pendapat dalam
hal berkaitan pengambilan ubat
serta status berat dan tidak berat
puasa seperti diratangkan.

Perbezaan yang wujud
mungkin disebabkan kaedah
klas dan pengetahuan hukum
yang berbeza antara mazhab
atau pendapat.

Sehubungan itu, informasi
diberi adalah maklumat umum
berdasarkan pandangan hukum
daripada mazhab Syafii.

Berikut adalah panduan
umum masa pengambilan ubat
yang dicadangkan ketika ber-
puasa jika arahan diberi tidak
seperti disenaraikan, rujuk
dan sahkan dengan pegawai
perubatan atau ahli farmasi
berkaitan waktu bermesuaian
untuk mengambil ubat di bulan
puasa.

Disedikan oleh Bahagian
Perkhidmatan Farmasi, Kement-
rian Kesihatan

Kekerapan	Masa Pengambilan	
	Sebelum Makan	Selepas Makan
Sekali Sehari	• Sebelum bersahur	• Selepas berbuka
Dua Kali Sehari	• Sebelum bersahur • Selepas berbuka, sebelum mengambil menu utama	• Selepas bersahur • Selepas berbuka
Tiga Kali Sehari	• Sebelum bersahur • Selepas berbuka, sebelum mengambil menu utama • Sebelum tidur	• Selepas bersahur • Selepas berbuka • Sebelum tidur
Empat Kali Sehari	Bergantung kepada jenis penyakit atau minta nasihat akan alternatif lain jika ingin berpuasa. Sila rujuk ahli farmasi anda.	

Pastikan suplemen selamat



Produk suplemen kesihatan bukan asing dalam kalangan pengguna negara ini. Ramai mengambilnya sebagai tambahan kepada diet harian untuk meningkatkan dan memperbaiki kesihatan badan. Suplemen kesihatan produk komplementari yang mengandungi bahan dihasilkan daripada pelbagai sumber seperti vitamin, mineral, tumbuhan dan haiwan. Bahan itu mungkin bukan dari pada bahan yang tersebut atau ubat-ubatan.

Produk itu boleh mengandungi bahan aktif tunggal seperti asid askorik (vitamin C) atau kombinasi

seperti multivitamin yang diberikan dan diformulasikan dalam bentuk dos seperti tablet, kapsul, serbuk, dan cecair saja dan tidak dalam bentuk suntikan dan ubat titis mata.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) satu satunya badan regulator di Malaysia yang ditubuhkan pada 1978 untuk menjalankan aktiviti pendaftaran, lesen, pemantauan dan kawalan kualiti serta Amalan Pengilangan Baik.

BPFK secara tidak langsung berfungsi sebagai sekretariat kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan World Health Organisation Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals. Kegagalan pihak syarikat atau pengilang mematuhi keperluan regulator yang ditetapkan

boleh menyebabkan permohonan untuk memperbaharui sijil pendaftaran produk ditolak atau status pendaftaran produk itu dibatalkan atau ditarik balik.

Buat masa ini, tidak semua negara menjalankan pemantauan ke atas produk suplemen kesihatan kerana ia dianggap sebagai diet tambahan dan bukan digunakan untuk rawatan.

Sejak 1988, produk suplemen kesihatan perlu didaftarkan dan mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan sebelum dibenarkan memasuki pasaran (empapan).

Pada 2011 hingga 2013, BPFK menerima 527 permohonan pendaftaran bagi produk suplemen kesihatan dan sebanyak 414 permohonan diluluskan oleh PBKD. Status pendaftaran produk perlu

diperbaharui setiap lima tahun sekali.

Berdasarkan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Drug Registration Guideline Document (DRGD), produk suplemen kesihatan ini akan diambil secara rawak daripada pasaran melalui program pengawasan produk di sepanjang tempoh pendaftaran sebelum dianalisis di makmal Pusat Kawalan Kualiti (PKK), BPFK.

Pengujian dan segi kualiti dan keselamatan untuk memastikan produk itu mematuhi semua spesifikasi yang ditetapkan oleh PBKD ketika pendaftaran produk.

Semua ujian kualiti seperti ujian identifikasi, kandungan, pencapaian dan pelarutan perlu dijalankan ke atas produk, manakala ujian keselamatan seperti ujian pencemaran mikrobial dan ujian

logam berat, biasanya akan dijalankan ke atas produk yang mengandungi bahan daripada sumber tumbuhan dan haiwan.

Ujian logam berat antara yang dijalankan untuk memantau kandungan logam berat produk suplemen agar tidak melebihi daripada had keselamatan yang dibenarkan.

Logam berat seperti raksa, kadmium, plumbum dan arsenik adalah bahan kimia berbahaya yang boleh menyebabkan kerosakan organ penting seperti ginjal, hati dan sistem saraf.

Pencemaran logam berat ini boleh terjadi pada sumber air dan tanah, sekali gus boleh menyebabkan pencemaran kepada haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

ARTWEL disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

Dos ubat pesakit diabetes puasa



Pesakit diabetes memerlukan ubat atau suntikan insulin setiap hari untuk mengawal penyakit. Namun, berpuasa pula melarang daripada makan dan minum, termasuk pengambilan ubat-ubatan.

Justeru, situasi berpuasa boleh mendatangkan masalah bagi

pesakit diabetes jika tidak melakukan sedikit pengubahsuaian dos dan masa pengambilan ubat atau suntikan insulin mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semua dos insulin perlu diambil 15 hingga 30 minit sebelum makan. Periksa paras gula dalam darah dengan kerap dan segera berbuka jika mengalami tanda hipoglisemia atau paras gula $<3.9\text{mmol/L}$.

DISEDIAKAN: Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

Pengubahsuaian Dos Insulin Semasa Bulan Ramadan	
Dos Insulin Bulan Biasa	Dos Insulin Semasa Bulan Ramadan
Insulin (basal) Humulin N, Insulatard (contoh : 10 unit malam) *insulin jangka panjang disuntik sebelum tidur	Tiada perubahan pada dos insulin. Suntik pada waktu biasa sebelum tidur. Humulin N, Insulatard (contoh : 10 unit malam)
Insulin (bolus) Humulin R, Actrapid (contoh : 12 unit 3 kali sehari) *insulin jangka pendek, disuntik sebelum makan	Dos pagi disuntik waktu sahur. Jikalau mengalami sebarang tanda-tanda hipoglisemia, kurangkan dos sahur sebanyak 20%. Abaikan dos waktu tengah hari Dos petang disuntik waktu berbuka puasa (contoh : 12 unit waktu sahur, 12 unit waktu berbuka)
Insulin Tindakan Campuran (premixed) Humulin 30/70, Mixtard (contoh : 30 unit pagi dan 20 unit petang)	Suntik dos pagi semasa berbuka Suntik setengah dos petang semasa sahur (contoh : 10 unit waktu sahur, 30 unit waktu berbuka)



Bekalan ubat ketika perjalanan, bercuti

ikan, kuantiti insulin mencukupi sepanjang tempoh perjalanan. Bawa insulin tambahan daripada perlu disimpan dalam kotak sejuk bersama pek ais. Pindahkan insulin ke dalam peti sejuk apabila tiba di destinasi.

■ Bawa semua bekalan ubat bersama dalam begasi jika memalukan kapal terbang. Ini memudahkan anda mengambil ubat tepat pada waktunya ketika dalam perjalanan. Ubat tidak sesuai disimpan dalam begasi dalam pesawat kerana suhu begasi disimpan mungkin tidak bersesuaian (sangat panas atau sangat sejuk).

■ Bawa ubat am atau Over-the-counter (OTC). Ubat Paracetamol untuk demam atau sakit, am H1-tamin untuk selesema atau alahan, garam rehidratasi untuk cirit-birit, adalah ubat am dicadangkan dibawa bersama dalam perjalanan.

■ Simpan ubat di tempat kering dan jauh daripada sumber panas atau sinaran matahari. Jika anda memerlukan

mandu, ubat tidak boleh disimpan di dalam kereta dalam keadaan cuaca panas dalam jangka masa lama. Ubat juga tidak boleh disimpan dalam bilik air atau di tempat lembap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat dan mengurangkan keberkesanan kandungan bahan aktif dalam ubat.

■ Simpan ubat dalam bekas asal bersama label ubat. Amalan seperti ini memudahkan ubat dikenal pasti oleh pihak kastam di pintu keluar atau masuk sempadan sesebuah negara. Penyimpanan ubat dalam bekas asal menjamin keberkesanan ubat kerana sesetengah ubat perlu disimpan dalam keadaan tertentu. Contoh, ubat Glyceryl trinitrate (ubat jantung) tidak boleh terdedah kepada cahaya dan mesti disimpan dalam bekas gelap.

■ Sebelum memulakan perjalanan jauh, melancang, buat penyelidikan berkaitan penyakit endemik negara yang dilawati serta ambil langkah pencegahan. Jika kawasan itu ada risiko tinggi untuk malaria, ubat

Oleh itu, anda perlu berhubung dengan kedutaan bagi memastikan ubat anda boleh dibawa masuk ke negara yang akan anda lawati.

DISEDIAKAN Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM



BAWA ubat bersama label dalam bekas asal.

Seperasa Menderita, pasti ramai balik ke kampung halaman atau mengambil kesempatan cuti panjang untuk melancong.

Bagi individu yang kurang sihat atau memerlukan rawatan ubat jangka masa panjang, perjalanan jauh mungkin memudaratkan jika ubat tidak diambil dengan betul, terutama dalam golongan pesakit kronik.

Berikut adalah tip untuk mengendalikan ubat sewaktu perjalanan jauh.

■ Pastikan ubat melebihi kuantiti diperlukan dan bawa bekalan melebihi seminggu daripada tempoh perjalanan untuk mengelak bekalan tidak mencukupi jika berlaku perubahan tempoh perjalanan. Tarikh luput setiap ubat juga harus dipastikan demi keselamatan dan keberkesanan ubat.

■ Bagi penghidap diabetes, pas-

Bahaya pelangsing sibutramine



Secara amnya, produk melangsing bertindak dalam tiga cara iaitu menghalang serapan lemak dalam badan, mengurangkan selera makan secara merencat pusat makan di dalam otak dan sebagai laksatif, menyebabkan kerap membuang air besar.

Jika produk itu diambil secara teratur dengan mendapatkan nasihat pakar dan disokong dengan aktiviti senaman dan pemakanan seimbang, ia akan menunjukkan hasil membe-rangsangkan.

Perlu diingat, rawatan untuk masalah ini bukan seperti rawatan bagi penyakit kencing manis atau darah tinggi yang perlu diambil secara berterusan.

Beberapa tahun kebelakangan ini, segelintir pengeluar dikesan mencampurkan bahan terlarang ke dalam produk mereka.

Perbuatan ini sengaja dilakukan untuk mengambil kesempatan ke atas orang ramai yang kini menitikberatkan penjagaan kesihatan. Antara kandungan paling kerap digunakan ialah sibutramine.

Pada awalnya, produk mengandungi sibutramine didaftarkan di Malaysia sebagai terapi tambahan kepada diet dan senaman untuk pesakit obes yang mempunyai faktor risiko seperti penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia. Ada sembilan produk mengandungi sibutramine didaftarkan di Malaysia.

Bagaimanapun, pada 2010 penggunaan sibutramine diharamkan di Malaysia kerana wujud peningkatan risiko serangan jantung dan strok. Kesan sampingan lain adalah gangguan tidur, tekanan perasaan, sawan dan mampu merosakkan hati serta buah pinggang.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) mengesan pelbagai produk melangsing yang menyamar sebagai produk tradisional dan produk makanan tambahan tetapi menjanjikan tahap kesihatan melampau dan dijual dengan harga mahal.

Ini dilakukan untuk mengelak proses pendaftaran produk yang dikuatkuasakan. Perlu diingat, produk makanan tidak dibenar membuat dakwaan perubatan kononnya boleh menguruskan badan.

Sebenarnya, tiada jalan pintas untuk menguruskan badan. Pengambilan diet seimbang di samping melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam secara berterusan adalah cara terbaik untuk menguruskan dan mengawal berat badan.

Pengambilan produk pelangsing hanya sebagai pembantu dan biasanya diberi dalam tempoh tertentu dan bukan untuk diambil secara berterusan.

Dapatkan nasihat pakar pemakanan untuk mendapatkan diet seimbang dan sesuai dengan keadaan fizikal kita. Pengguna perlu lebih berhati-hati ketika membeli produk kesihatan dan jangan mudah terpengaruh dengan iklan dan promosi berlebihan tanpa bukti saintifik dan testimoni yang sengaja direka-reka untuk menipu pengguna.

Sentiasa pastikan produk yang hendak dibeli berdaftar dengan Kementerian Kesihatan iaitu mempunyai nombor pendaftaran dan label hologram Meditag.

Dapatkan maklumat tepat mengenai ubat-ubatan daripada ahli farmasi atau pengamal perubatan. Bagi mendapatkan senarai produk yang dikesan dicampur bahan terlarang, layari www.pharmacy.gov.my/perkhidmatan-senarai-produk-dikesan-mengandungi-bahan-terlarang

DISEDIAKAN: Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

Metro Akad

05/05/2014

Sihat | 127

Ketahui interaksi ubat-ubatan



ubat tradisional.

Jenis interaksi pertama adalah antara dua atau lebih daripada dua jenis ubat-ubatan.

Ubat saling bertindak dengan ubat lain dan mengakibatkan kesan ubat bertambah atau berkurangan. Contohnya, ubat batu diambil bersama ubat seselsma boleh menambah kesan mengantuk.

Jenis interaksi kedua pula antara ubat dengan makanan atau minuman. Contohnya, penyerapan vitamin zat besi (iron tablet) akan berkurang jika diambil bersama susu.

Bagaimanapun, ubat Acarbose (untuk rawatan diabetes) perlu diambil bersama-sama makanan untuk meningkatkan penyerapan dan keberkesanan ubat itu.

Jenis interaksi ketiga ialah antara ubat dengan suplemen atau ubat tradisional. Kebanyakan pengguna tidak menyedari interaksi ini mungkin boleh mengu-



rangkan keberkesanan ubat dan memudaratkan pesakit.

Contohnya, pengambilan gingko biloba bersama ubat pencair darah seperti Warfarin dan Clopidogrel akan menyebabkan pesakit berisiko mengalami pen-
darahan dalaman.

Kebanyakan pesakit kronik perlu mengambil lebih daripada dua jenis ubat, adakah ini bermaksud interaksi ubat-ubatan

perlu dijaga?

Ya, bagaimanapun, doktor hanya mempreskripsikan ubat-ubatan kepada pesakit jika faedah ubat itu ke atas pesakit melebihi risikonya.

Sehubungan itu, sila patuhi arahan pengambilan ubat-ubatan seperti disaran doktor dan ahli farmasi dan kita perlu beringat, bukan semua interaksi ubat-ubatan akan membahayakan kesihatan kita.

Contohnya, seorang penghidap hipertensi memerlukan lebih daripada dua jenis ubat untuk penyalutnya kerana gabungan ubat-ubatan diperlukan untuk mengawal paras tekanan darah.

Interaksi ubat-ubatan semanganya wujud antara ubat-ubatan hipertensi ini, tetapi ia adalah interaksi berfaedah.

DISEDIAKAN: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

TIP AMBIL UBAT:

- i. Sebelum mengambil ubat, tanya ahli farmasi atau doktor.
- ii. Bolehkah ubat ini diambil dengan ubat-ubatan lain?
- iii. Apakah makanan minuman yang perlu dielak apabila mengambil ubat?
- iv. Apakah tanda interaksi ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian apabila saya mengambil ubat ini?
- v. Bagaimanakah ubat ini bertindak dalam badan saya?
- vi. Baca dan ikut arahan serta amaran pada label ubat.
- vii. Maklumkan ahli farmasi atau doktor jika anda mengambil lain-lain ubat, termasuk suplemen kesihatan dan ubat tradisional. Selain itu maklumkan jika ada alahan ubat.
- viii. Maklumkan ahli farmasi atau doktor jika anda mengalami kesan sampingan ubat dengan segera.
- ix. Berhenti doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan ubat-ubatan.

Inovasi pendispensan ubat memudahkan pesakit



Pendispensan ubat adalah aktiviti penting dalam penjagaan kesihatan pesakit. Pesakit yang pergi ke fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan rawatan adalah bagi pesakit akut seperti demam dan batuk serta pesakit kronik.

Jumlah pesakit kronik dengan penyakit seperti kencing manis, hipertensi serta lemah jantung yang memerlukan rawatan ubat yang berterusan semakin meningkat setiap tahun.

Berdasarkan data KKM pada 2012, kira-kira 17 juta rakyat Malaysia lalu 60.7 peratus daripada penduduk mengalami penyakit

kronik atau lebih dikenali sebagai Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).

Pesakit dengan penyakit kronik yang stabil akan menemui doktor setiap empat hingga enam bulan dan akan diberi preskripsi jangka panjang sehingga janji temu yang seterusnya. Mereka perlu pergi berulang kali ke farmasi kerana bekalan ubat susulan hanya akan diberi bagi tempoh sebulan sekali kecuali dalam kes-kes tertentu.

Bekalan ubatan susulan adalah ubat-ubatan yang dibekalkan secara tidak penuh (partial) berdasarkan preskripsi doktor dan perlu diambil di farmasi berterusan sehingga preskripsi doktor itu tamat tempoh sah.

Pembekalan ubat sebegini adalah bagi memastikan keputihan pesakit terhadap pengambilan ubat, menjamin kualiti ubat

yang disimpan di rumah pesakit, mengelakkan pembaziran ubat, mengurangkan risiko berlakunya kesilapan pengubatan akibat stok ubat berlebihan yang boleh disalah guna oleh orang lain dan memudahkan pemantauan kejadian kesan sampingan yang tidak ditinggalkan.

Justeru, Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) memperkenalkan beberapa kaedah pengambilan ubat yang berinovasi untuk memudahkan pesakit menerima bekalan susulan tanpa perlu pergi berulang kali ke fasiliti kesihatan. Usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pesakit seperti ini dikenali sebagai Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS).

Antara jenis perkhidmatan yang ditawarkan bagi memudahkan pesakit yang tinggal berjauhan dari fasiliti kesihatan

KKM ialah Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB). Perkhidmatan ini kaedah rujukan yang seragam pihak farmasi bagi pembekalan ubat-ubatan susulan pesakit.

Melalui perkhidmatan SPUB, pesakit boleh mengambil bekalan ubat-ubatan susulan mereka di mana-mana fasiliti kesihatan KKM berdekatan dengan tempat tinggal mengikut pilihan pesakit. Dengan cara ini, pesakit dapat menjimatkan kos dan masa perjalanan kerana jarak untuk ke fasiliti kesihatan yang dirujuk adalah lebih dekat berbanding fasiliti asal mereka mendapatkan rawatan doktor.

Selain itu, BPF turut menawarkan perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan susulan terus ke lokasi pilihan pesakit yang dikenali sebagai perkhidmatan Ubat Melalui Pos (Ma-

laysia (UMP 1Malaysia). Melalui perkhidmatan ini, pesakit tidak perlu ke farmasi kerana bekalan ubat susulan mereka akan terus dihantar ke rumah atau pejabat mereka.

Inovasi VAS sangat bermanfaat dalam memastikan kesinambungan bekalan ubat-ubatan pesakit. Ia juga dapat membantu meningkatkan tahap kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat-ubatan mereka.

Bagaimanapun, perkhidmatan ini hanya disediakan bagi pesakit dengan preskripsi jangka panjang penyakit kronik yang stabil sahaja. Pembekalan ubat bagi bulan pertama masih lagi perlu dilakukan di kaunter farmasi klinik kesihatan dan hospital berkenaan.

ARTIKEL disediakan: Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

Awas suntikan vitamin C tak berdaftar



keselamatan dan kualiti produk berkenaan.

Produk kosmetik yang dinotifikasi akan diberi nombor notifikasi (contoh NOT20091234K) tetapi nombor notifikasi ini tidak diwajibkan untuk dicetak pada bungkus produk.

Orang awam perlu tahu bahawa pengeluar produk kosmetik tidak boleh membuat tuntutan perubahan pada label dan iklan produk. Produk kosmetik juga tidak dibenarkan mengandungi bahan racun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.

Selain itu, produk yang digunakan untuk tujuan seksual atau mempunyai tuntutan perubahan tidak diklasifikasikan sebagai produk kosmetik.

Hanya produk yang mempunyai satu atau lebih fungsi seperti di bawah akan dikategorikan sebagai produk kosmetik, iaitu:

- Memerahkan
- Mewangi
- Memperbaiki/ mengubah atau

mencantikan

- Menghilangkan bau badan
- Memelihara atau menjaga dalam keadaan baik

Hasil pemerhatian kami mendapati ada produk kosmetik seperti produk pencerah dan pemutih kulit dikesan mengandungi bahan terlarang dan juga suntikan botoks serta suntikan vitamin C dijual secara haram di premis kecantikan.

Beberapa produk pencerah dan pemutih kulit dikesan dicampur dengan hidroquinon dan tretinolin iaitu sejenis bahan racun dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.

Penggunaan bahan ini tanpa kawalan dan pengawasan boleh mengakibatkan pengannya menderita kesan seperti kulit merah dan terbakar, hiperpigmentasi dan kanser kulit.

Kesan pencerahan kulit dalam masa yang terlalu singkat mungkin petunjuk bahan berbahaya itu wujud di dalam produk kosmetik.

Botoks adalah sejenis toksin

dihasilkan bakteria Clostridium botulinum yang berbahaya jika digunakan tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar.

Dalam bidang perubatan, suntikan dos kecil botoks digunakan untuk melumpuhkan otot yang tegang dan pengecutan otot yang tidak terkawal pada pesakit. Penggunaan tanpa pengawasan pengamal perubatan boleh menjejaskan sistem saraf dan menyebabkan kematian.

Vitamin C atau asid askorbig adalah antioksidan yang berfungsi melindungi tubuh daripada tindakan pengoksidaan dan penting dalam proses penyembuhan luka.

Bagaimanapun, suntikan vitamin C adalah sedaan yang tidak dibenarkan untuk dijual di Malaysia. Setakat ini tiada produk vitamin C yang didaftarkan di Malaysia.

Pengguna yang mendapatkan perkhidmatan suntikan vitamin C yang tidak berdaftar ini terdedah kepada risiko kemudaratan kepada wajah dan tubuh badan seperti langkitan pada kulit, langkitan pada saluran darah, selatan

kerosakan buah pinggang. Pengguna dinasihatkan supaya berhati-hati ketika membeli produk kosmetik dan mendapatkan rawatan kecantikan di premis yang diyakini dan baca label pada produk terlebih dahulu sebelum membuat pembelian.

Usah terpedaya dengan produk kosmetik atau pusat rawatan kecantikan yang menawarkan produk atau perkhidmatan yang mempunyai tuntutan melampau. Kandungan bahan racun ini biasanya tidak dinyatakan pada label atau bungkus produk untuk mengelirukan pengguna.

Pengguna dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan tawaran kosmetik yang dinuarikan mampu mengubah rupa paras mereka kepada lebih cantik dalam masa singkat. Ini kerana produk kosmetik biasanya memerlukan masa untuk menunjukkan kesan.

ARTIKEL disediakan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan

Tip elak tersilap ambil ubat



1. Fahami arahan yang diberi di kaunter farmasi. Tanya ahli farmasi jika tidak tahu atau tidak faham arahan pengambilan ubat-ubatan.
2. Baca dan fahami label ubat. Pemahaman label ubat membantu anda mengambil ubat dengan betul dan selamat. Pastikan ubat diambil adalah kepunyaan anda. Pastikan ubat diambil untuk penyakit anda. Patuhi dos ubat seperti diarah dan dengan cara betul. Contohnya, ubat yang diarah untuk ditelan sepenuhnya tidak boleh dikunyah atau dihaluskan. Ini kerana sesetengah ubat mempunyai rasa pahit atau boleh menyebabkan kesan tidak diinginkan ke atas perut. Ada sesetengah ubat diformulasikan bagi memanjangkan tempoh tindakan ubat. Pastikan anda mengambil ubat mengikut masa ditetapkan. Sebaik-baiknya, ubat perlu diambil pada masa sama setiap hari.
3. Bagi menentukan ketepatan dos ubat sirap, anda disarankan menyukat ubat itu dengan menggunakan picagari atau cawan ubat yang dibekalkan bersama-sama ubat. Amalan menyukat dos ubat dengan menggunakan sudu harus dielakkan.
4. Ubat-ubatan perlu disimpan di tempat selamat. Simpan ubat dalam sampul asal kerana semua maklumat berkaitan ubat-ubatan tertulis pada sampul ubat. Simpan di tempat tinggi dan jauhkan daripada kanak-kanak untuk mengelak risiko keracunan.
5. Elak mengambil ubat dalam keadaan gelap. Amalkan membaca label ubat di tempat terang bagi mengelak kesilapan pengubatan.
6. Elak berkongsi ubat. Ubat yang diberi kepada anda mungkin tidak sesuai untuk orang lain walaupun menunjukkan gejala penyakit sama. Amalan berkongsi ubat tidak sesuai kerana dos ubat diberi mungkin tidak sama.
7. Elak kurang atau tambah dos. Ubat perlu diambil mengikut dos dan kekerapan yang diarah oleh doktor dan ahli farmasi. Jangan ubah dos kecuali diarah oleh doktor kerana ini boleh menyebabkan kesan sampingan jika terlebih atau terkurang dos.

Jika masih keliru atau ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, orang awam boleh menghubungi perkhidmatan Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722. Pegawai Farmasi bertugas akan menjawab pertanyaan anda.

Metro Ahad

7 SEPTEMBER 2014

Sihat

B31

Ubat generik pula didaftar



FAKTA MITOS

FAKTA: Malaysia mempunyai sistem regulatori farmaseutikal yang mantap dan bertaraf antarabangsa. Ubat generik yang didaftarkan, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) akan sentiasa memastikan bahawa ubat generik itu masih mematuhi keperluan pen-

MITOS: Ubat generik tidak mematuhi keperluan pendaftaran selepas dipasarkan kerana tidak dipantau oleh pihak berkuasa

FAKTA
Malaysia mempunyai sistem regulatori farmaseutikal yang mantap dan bertaraf antarabangsa.

daftaran daripada aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan melalui program pemantauan ubat-ubat berdaftar di pasaran. PBKD tidak akan teragak-agak untuk membatalakan pendaftaran ubat-ubat generik yang didapati tidak berkualiti, tidak selamat dan tidak berkesan serta berkuasa untuk menarik balik ubat-ubat itu dari pasaran.



Ubat tahan sakit juga dikenali sebagai analgesik. Secara umumnya ada dua jenis analgesik iaitu narkotik seperti kodein dan morfin; manakala ubat bukan narkotik seperti paracetamol dan ubat antiradang bukan steroid (NSAID).

Ubat analgesik boleh didapati dalam pelbagai formulasi seperti tablet, sirup, suntikan, salap, jel dan tampon. Pemilihan analgesik bergantung kepada tahap kesakitan, umur, status kesihatan dan cara kehidupan pesakit.

Paracetamol dan sesetengah NSAID dikategorikan sebagai kumpulan C dan boleh didapati di kaunter farmasi tanpa preskripsi, manakala analgesik selain dari kumpulan itu boleh didapati hanya dengan preskripsi doktor.

Paracetamol seperti Paradol dan Typhamol adalah analgesik paling popular dalam kalangan umum. Selain sebagai ubat tahan sakit, ia boleh digunakan untuk merawat demam.

Pelbagai jenis ubat tahan sakit ada di pasaran. Walaupun paracetamol dianggap ubat yang selamat digunakan, ia boleh meningkatkan risiko ke-

RAWATAN perumpotan oftik



rosakan hati jika diguna dalam jangka panjang dan dapat dikenalpasti melalui gejala seperti mata merah, gatal, berair, dan kepingan putih keluar dari mata. Gejala ini mungkin merupakan tanda-tanda keracunan paracetamol.

NSAID pula biasa digunakan

dalam rawatan keradangan akibat terbelah dan sakit sendi (arthritis), kesakitan ketika haid dan merawat demam. Contoh ubat NSAID ialah mefenamic acid, ibuprofen, aspirin dan diclofenac.

Kesepanjang NSAID terma-

KESAN AMBIL UBAT TAHAN SAKIT

- Digalakkan menggunakan analgesik dalam bentuk salap kerana kurang memberi kesan sampingan berbanding analgesik dalam bentuk oral.

Selain analgesik, kesakitan boleh dirawat dengan cara lain seperti rawatan komplementari dan rawatan psikologi. Rawatan komplementari termasuk fisioterapi, akupunktur, urut dan pemampatan ais (ice compress), manakala rawatan psikologi membabitkan kaunseling sokongan dan galakan rakan.

Jika masih keliru atau ada pertanyaan lanjut, berkatiran ubat-ubatan, orang awam boleh menghubungi perkhidmatan Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre, NPCC) di talian 1800-88-6722. Pegawai Farmasi bertugas akan menjawab pertanyaan anda.

Disediakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Risiko penggunaan berleluasa antibiotik



Antibiotik diguna secara meluas bagi merawat jangkitan kuman terhadap manusia. Antibiotik boleh dihasilkan secara semula jadi (dihasilkan oleh mikroorganisma) dan juga secara sintetik, namun fungsi kedua-duanya adalah sama iaitu untuk membunuh atau merencat pertumbuhan mikrob.

Walaupun antibiotik mempunyai banyak kesan baik, penggunaannya yang berleluasa mewujudkan masalah baru iaitu kerintangan antibiotik. Kerintangan antibiotik akan menyebabkan antibiotik yang digunakan tidak lagi dapat membunuh atau merencatkan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan penyakit.

Masalah kerintangan antibiotik ini masalah global yang sangat berbahaya dan menggugat keberkesanan perubatan moden. Dunia semakin kehabisan antibiotik yang masih berkesan terhadap bakteria dan penghasilan antibiotik baru berada pada tahap yang amat perlahan. Sesuatu yang amat menakutkan jika satu hari nanti, timbul penyakit berjangkit diakibatkan oleh

mikroorganisma yang tidak lagi dapat dikawal atau dapat dibunuh oleh antibiotik sedia ada.

Kesan daripada rintangan antibiotik terhadap penjagaan kesihatan menyebabkan 25,000 kematian setahun di Eropah. Ini satu jumlah kematian yang amat tinggi.

Masalah kerintangan ini lebih meruncing di Asia Tenggara yang mana dianggarkan, seorang kanak-kanak mati setiap lima minit disebabkan jangkitan mikroorganisma berdaya melawan antibiotik.

Kerintangan antibiotik terhadap sesuatu populasi akan menyebabkan:

- Rawatan yang biasa digunakan tidak lagi berkesan
- Pesakit gagal dirawat dan boleh mendatangkan kematian atau komplikasi lain
- Meningkatkan risiko penyebaran jangkitan kepada orang lain
- Meningkatkan kos rawatan
- Menjejaskan kualiti hidup pesakit serta keluarga atau penjaga

Kerintangan antibiotik boleh berlaku akibat daripada sifat semula jadi sesuatu mikroorganisma untuk terus hidup. Bagaimanapun, penularan masalah ini diburukkan lagi dengan penyalahgunaan antibiotik oleh pengamal perubatan dan juga masyarakat umum.

Antara penyalahgunaan antibiotik adalah pemilihan antibiotik yang kurang sesuai, dos dan durasi yang tidak mencukupi, tidak patuh

pada arahan pemakanan ubat dan kualiti ubat yang tidak baik.

Sebagai contoh, di sesetengah negara membangun, antibiotik boleh dibeli untuk satu dos tanpa preskripsi. Sesetengah pesakit akan berhenti mengambil antibiotik sebaik sahaja berasa sihat sebelum bakteria terhapus sepenuhnya.

Masalah ini diburukkan lagi dengan penggunaan antibiotik yang tidak terkawal di dalam industri penternakan. Penggunaan antibiotik meningkat dalam industri penternakan kerana ia digunakan secara berleluasa bagi tujuan pembesaran dan mencegah jangkitan haiwan ternakan.

Di Amerika dan Eropah misalnya, dianggarkan lebih 50 peratus pengeluaran dan penghasilan makanan daripada haiwan ternakan ini menggunakan antibiotik. Amalan seperti inilah yang menyumbang kepada kemunculan bakteria rintang yang juga boleh menjangkiti manusia.

Orang awam boleh menghubungi perkhidmatan Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722 untuk maklumat lanjut atau pertanyaan.

Disediakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Metro Ahad

21 SEPTEMBER 2014

Sihat**E29**

Ubat dan warga emas



Warga emas antara golongan yang paling berisiko tinggi untuk mendapat serangan penyakit yang memerlukan rawatan jangka masa panjang.

Kemerosotan fungsi organ kerana peningkatan usia terutama fungsi hati dan buah pinggang menyebabkan sesetengah ubatan lambat dikumuhkan daripada badan. Keadaan ini boleh menyebabkan warga emas cenderung untuk mengalami kesan sampingan atau kesan toksik ubat-ubatan.

Oleh itu, golongan ini perlu mendapat penjagaan dan pemerhatian yang khusus supaya penyakit yang dihidapi dapat dikawal seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka.

Justeru, warga emas dan penjaga atau ahli keluarga harus mengambil tahu mengenai penyakit dan penggunaan ubatan yang betul agar ubat yang diambil berkesan dan kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan.

Sebelum mengambil sesuatu ubat terdapat beberapa perkara yang perlu dipastikan agar penggunaan ubat adalah betul dan ubat yang diambil berkesan. Tip pengambilan ubat ini adalah mengikut konsep amalan 5 Betul yang berikut:

1) Nama pesakit pada sampul ubat adalah nama anda / nama pesakit. Jangan berkongsi ubat dengan orang lain.

2) Kenal nama ubat anda / pesakit dan tujuan pengambilan ubat tersebut.

3) Dos yang diambil adalah seperti yang diarahkan doktor. Jangan mengubah dos ubat tanpa berbincang dengan doktor.

4) Arahan pengambilan ubat dipatuhi. (contoh, sebelum, bersama atau selepas makan)

5) Masa pengambilan ubat ditepati. (contoh, ubat lawas kencing diambil pada waktu pagi)

Golongan warga emas memerlukan bantuan ahli keluarga atau penjaga dalam pengambilan ubatan mereka. Perkara ini penting terutamanya dalam golongan pesakit yang mempunyai penyakit kronik dengan pelbagai jenis ubat untuk rawatan. Ahli keluarga atau penjaga perlu peka dengan pelbagai masalah seperti yang disenaraikan dan tips pengambilan ubat dengan betul.

Selain itu, penjagaan atau simpanan ubatan juga penting di rumah agar ubat tidak rosak dan keberkesanan ubat itu terjamin. Sentiasa periksa tarikh temujanji dengan doktor bagi warga emas jagaan anda. Pastikan juga jangan berhenti atau ubah dos ubatan tanpa arahan doktor.

Sentiasa bawa bersama surat ubat warga emas jagaan anda atau senarai ubatan yang diambilnya sebagai sumber rujukan dalam situasi kecemasan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722.

E26 **Sihat****Metro Ahad**

48 SEPTEMBER 2014

Realiti vs fantasi

Pengguna perlu bijak pilih ubat elak diperdaya



Sebut saja iklan ubat di media massa dan laman sosial, pasti tergambar ubat kurus, ubat kuat, penyakit tiga serangkai, kanser, pemutih kulit dan sebagainya.

Tidak kurang makanan dan minuman kesihatan dengan pelbagai dakwaan, perubatan ditukarkan untuk memancing pengguna. Ia ditambah dengan testimoni, gambar dan visual menunjukkan keadaan sebelum dan selepas penggunaan produk berkenaan.

Sudah pasti penjual perlu menggunakan strategi pemasaran menarik untuk menarik hati pengguna. Teknik penceritaan, mimik muka, 'superimposed' dan 'editing' antara cara digunakan bagi memberatkan gambar sebelum dan selepas.

Lebih memuatkan, ada iklan keintiman suami isteri dengan dialog dan posisi gambar tidak sopan serta melanggar budaya Timur.

Malah, ada menggunakan landasan agama dengan memuatkan petikan ayat al-Quran dan hadis yang diambil secara rambang untuk melariskan produk.

Tidak dinafikan setiap bahan ada khasiatnya tersendiri tetapi apabila pelbagai bahan dicampur dalam satu bungkus, kesannya tidak diketahui kerana tiada ujian terperinci terhadap keselamatan dan keberkesanan kombinasi bahan berkenaan.

Pihak pengeluar memasarkan produk mereka berasaskan testimoni tanpa menjalankan kajian saintifik.

Bagi lelaki, khususnya yang terdesak, pasti iklan ubat kuat diberi perhatian. Perasaan malu berjumpa doktor menyebabkan mereka mencari ubat herani untuk mengatasi masalah dihadapi.

Mereka lebih percaya rakan berbanding profesional kesihatan yang bertaatilah. Ini menyebabkan lambakan ubat kuat lelaki di pasaran.

Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan tahun lalu, sebanyak 1,421 barangan dikesan dicampuri racun perangsang seks seperti sildenafil dan analog.

Ada juga pihak mencampurkan bahan perangsang seks ke



dalam kopi dan gula. Berhati-hati ketika membeli jika produk berkenaan boleh meningkatkan prestasi seksual dengan harga tidak munasabah.

Jika dikelaskan sebagai produk makanan, penjual tidak boleh menggunakan kenyataan 'dibuktikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)' kerana KKM tidak memberi kebenaran kepada produk makanan tetapi hanya mengketakkannya sebagai produk makanan.

Produk yang dikelaskan sebagai makanan tidak boleh mengiklankan tuntutan perubahan terhadap penggunaan produk itu.

Orang ramai juga boleh menyemak jika ada nombor telefon iklan (KKLIU) diberi oleh Lembaga Iklan Ubat (LIU) KKM pada iklan berkenaan. Tidak dinafikan, dengan penggunaan tekno-

logi, pelbagai iklan boleh disebarkan dalam sekelip mata; khususnya melalui media sosial.

Oleh itu, tugas kawalan iklan oleh KKM sangat mencabar dan perlu dibantu orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan iklan sebegini.

Pengguna perlu bijak memilih ubat, khususnya yang dimakan dan disapu pada kulit. Pendekatan diambil terhadap iklan ubat tidak boleh disamakan seperti iklan serbuk pencuci dan beg tangan. Ubat yang dimakan memberi kesan kepada kesihatan badan kita.

Untuk sebarang aduan atau pertanyaan, kemukakan kepada Bahagian Pendaftaran Farmasi di talian 03-78413300 atau layari Facebook Pilih Ubat Bertaraf untuk maklumat lanjut.

Metro Ahad
5 Oktober 2014

Sihat | **E27**

SIMPAN UBAT SECARA SISTEMATIK



Sejak kelahiran ini banyak laporan kanak-kanak termakan salah ubat yang disimpan dalam peti sejuk di rumah. Akhirnya mangsa dimasukkan ke wad kecemasan dan unit rawatan rapi di hospital. Ia berpunca daripada ubat untuk kegunaan individu dewasa disimpan bersama-sama ubat untuk kanak-kanak. Simasi seperti ini menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan ubat yang salah diberikan kepada kanak-kanak. Ia dapat dielak jika cara penyimpanan ubat yang betul diutamakan. Selain daripada itu, tidak membaca label ubat sebelum ia digunakan juga menjadi faktor berlakunya insiden yang tidak diingini.

Cara penyimpanan ubat yang betul di rumah penting bagi menjamin dua perkara iaitu keselamatan dan kecekapan. Selain itu, kesihatan kanak-kanak dan keselamatan serta keberkesanan ubat pada ketika ubat diambil.

Isu keselamatan sangat penting

kerana kesilapan dalam pengambilan ubat-ubatan bukan saja boleh mendatangkan kemudaratan, malah meragut nyawa. Ubat biasanya disimpan di beberapa lokasi dalam rumah.

Selalunya lokasi yang menjadi pilihan adalah yang mudah untuk diambil dan diletakkan supaya dapat meningkatkan kepatuhan pengambilan ubat-ubatan. Namun, penting untuk memastikan tempat ubat-ubatan ini disimpan jauh daripada capaian kanak-kanak.

Penyimpanan ubat secara teratur dan tersusun juga boleh mengelak kekeliruan atau tersalah mengambil ubat terutama jika ada beberapa jenis ubat dengan bentuk atau warna sama. Ubat untuk kegunaan luar seperti krim, salap atau losyen perlu disimpan di tempat berbeza daripada ubat-ubatan untuk diminalkan. Selain itu, ubat untuk diri sendiri harus disimpan berasingan daripada ubat untuk ahli keluarga lain.

Bagaimanapun, ada beberapa jenis ubat mempunyai cara penyimpanan khas dan perlu diperhatikan dalam memastikan ia dalam keadaan baik dan kualitiya dikekalkan. Antaranya adalah:

JENIS UBAT	CARA PENYIMPANAN
Ubat Mata/Telinga	Mengikat tarikh luput dan disimpan dalam peti sejuk jika perlu
Insulin	Simpan dalam peti sejuk sebelum guna. Jangan simpan insulin yang sedang digunakan dalam peti sejuk. Insulin yang telah dibuka tidak boleh disimpan lebih daripada sebulan dan harus disimpan di tempat yang dilindungi daripada cahaya matahari dan haba.
Ubat Cecair	Simpan mengikut tarikh luput. Lakukan telah berubah warna, bentuk dan rasa. Pada kebiasaannya cuma disimpan untuk tempoh sebulan sahaja.
Ubat Antibiotik Serbuk	Sirap antibiotik yang telah dibancuh perlu disimpan dalam peti sejuk dan tidak boleh disimpan lebih dari seminggu.
Ubat bawah lidah Glycerol Trinitrate (GTN)	Simpan dalam bekas gelap yang dibekalkan dan elakkan daripada cahaya matahari.

Maklumat mengenai tempat menyimpan ubat selalunya ada pada label produk ubat seperti suhu simpanan ubat. Sebagai contoh, jika maklumat suhu simpanan adalah bawah 30 darjah Celsius, bererti simpanan ubat adalah pada suhu bilik saja. Manakala jika maklumat suhu simpanan amara

2 hingga 8 darjah Celsius, bererti simpanan ubat adalah sesuai di paratengah dalam peti sejuk.

Tempat simpanan ubat harus diperiksa dan dikemaskan semula. Amalan ini bertujuan memastikan tarikh luput ubat. Ubat luput tarikh atau berubah bentuk fizikal asalnya seperti berubah warna, bentuk, rapuh atau melekit-lekit perlu dikeluarkan daripada tempat simpanan dan dibuang untuk tujuan pusingan.

Ubat yang rosak atau luput tarikh boleh dibawa ke unit farmasi di hospital atau klinik kesihatan untuk dilupuskan dengan cara betul dan mesra alam.

Kesimpulannya, simpan ubat jauh daripada cahaya, suhu tinggi dan jauh daripada cupaian kanak-kanak. Ubat juga perlu disimpan di tempat kering dan terang dicari apabila berlaku pencemasan lain. Jangan buang ubat ke dalam sampah domestik atau ke dalam mangkuk tandas bagi tujuan petupusan kerana ia boleh mencemaskan alam dan jangka masa panjang.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722.

Metro Ahad
19 OKTOBER 2014

Sihat | E27

UBAT

KESAN BERBAHAYA PRODUK JAMU

Produk jamu atau maqun diklasifikasikan sebagai produk tradisional dan perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Ia hanya dibenarkan mengandungi bahan semula jadi dan tidak boleh dicampurkan dengan ubat terkawal. Secara umumnya, penggunaan produk tradisional membolehkan pengguna merasa lebih lama untuk memberi kesan kepada pengguna berbanding ubat terkawal.

Ujian dibuat ke atas produk tradisional ketika proses pendaftaran produk mengikut ke arah kualiti dan keselamatannya kepada pengguna. Salah berbanding produk berdaftar kategori lain yang diuji keselamatannya, kualiti dan keberkesannya.

Orang itu pengguna tidak boleh mengharap kesan segera dengan penggunaan produk tradisional. Kecenderungan pengguna mengambil suplemen kesihatan akan produk tradisional untuk meningkatkan taraf kesihatan minda, segelintir pengguna produk tidak bertanggungjawab mencampurkan bahan terlarang ke dalam produk mereka.

Aktiviti itu dilakukan bagi

meyakinkan pengguna kesannya produk berkenaan teratas sebagai mana tuntutan dibuat. Hal ini berlaku akibat kerakusan seseorang pihak yang cuba mengaut keuntungan dengan menjual produk tradisional dengan logo berdaftar adalah bahan aktif bagi ubat terkawal yang banyak boleh di bekalkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau oleh ahli farmasi.

Antara bahan larangan yang dikesan adalah ubat tahan sakit seperti phenylbutarone, ibuprofen dan diclofenac, steroid seperti dexamethasone dan prednisolone, ubat rawatan kencing manis seperti insulin dan gliberclamide.

Bahan larangan ini bergantung kepada tuntutan perubatan yang terdapat dalam produk atau An- ti-syisthikan pada produk atau An- tara tuntutan larim bagi produk tradisional adalah rawatan sakit tulang, sendi, menambah tenaga dan meningkatkan selera makan.

Pengguna yang mengambil produk tradisional yang dikampur (a- cun) terdapat kepada risiko kesan sampingan kerana kuantiti yang dimasukkan ke dalamnya adalah tidak konsisten dan boleh menjadi terlahir tinggi atau rendah. Ia ke- r-

pharmasi yang mempunyai nombor per- dafatiran akan nama produk yang tidak wujud dalam sistem datahu- tiripaku dan harus dielak.

Bahan larangan yang biasa dikesan dalam produk tradisi- nal seperti maqun atau jamu tidak berdaftar adalah bahan aktif bagi ubat terkawal yang banyak boleh di bekalkan oleh pengamal perubatan berdaftar atau oleh ahli farmasi.

Antara bahan larangan yang dikesan adalah ubat tahan sakit seperti phenylbutarone, ibuprofen dan diclofenac, steroid seperti dexamethasone dan prednisolone, ubat rawatan kencing manis seperti insulin dan gliberclamide.

Bahan larangan ini bergantung kepada tuntutan perubatan yang terdapat dalam produk atau An- ti-syisthikan pada produk atau An- tara tuntutan larim bagi produk tradisional adalah rawatan sakit tulang, sendi, menambah tenaga dan meningkatkan selera makan.

Pengguna yang mengambil pro- duk tradisional yang dikampur (a- cun) terdapat kepada risiko kesan sampingan kerana kuantiti yang dimasukkan ke dalamnya adalah tidak konsisten dan boleh menjadi terlahir tinggi atau rendah. Ia ke- r-

na produk itu tidak dikendalikan di- ptemis mengikut piawaian Amalan Pengendalian Baik (GMP).

Pada awalnya, pengguna akan merasakan produk itu berkesan dan memberi kesan dengan ma- mun akhirnya mengalami kesan buruk pengambilan produk.

Kesan sampingan dialami purigin, berbeza antara seorang pengguna dengan pengguna lain bergantung kepada faktor sepe- ti taraf kesihatan, daya hidup dan pemakaian. Tempoh masa untuk pengguna itu menunjukkan kesan sampingan dan tahap keserasan- nya juga berbeza.

Kesan sampingan dialami aki- bat pengambilan steroid seperti se- lera makan yang luar biasa, sem- bali yang ketara terdapat luka- lambai, sembelit, meningkatkan tekanan darah, kerosakan buah pinggang dan Cushing's Syndrome.

Kesan pengambilan phenylbu- tazone juga menyebabkan perda- ran dalam perut, kesan malaris pada kulit, kabus penglihatan, ke- gagalan buah pinggang dan Steven- Johnson Syndrome. Pengambilan ubat Anti-Inflamatori Bukan Ste- roid (NSAIDS) pula menyebabkan

gastrik, pendarahan dalam perut dan kerosakan buah pinggang. Pengguna yang mengalami kesan sampingan seperti di atas akan mengalami kesan segera apabila menggunakan produk maqun atau jamu tradisional di- naikan produk dan mendapatkan naibah dan rawatan pengamal perubatan berdaftar.

Sila bawa bersama produk diambil untuk memudahkan pemeriksaan. Pengguna juga boleh melaporkan salah laku berhu- bung dengan produk tidak ber- daftar kepada pejabat Carutatan Pequtakusa, Farmasi di negeri masing masing sama ada dengan datang sendiri, melalui surat atau telefon ke Bahagian Perkhidma- tan Farmasi.

Semua maklumat diterima adalah rahsia dan tidak akan di- sebarkan kepada pihak lain.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat ubatan, boleh hubungi Pusat Panggilan Farma- si Kebangsaan (National Phar- macy Call Centre - NPCC) di ta- lian 1800 88 6722.



FAHAMI FUNGSI UBAT BANTU PEMATUHAN TERAPI

memberi sebarang arahan atau arahan dengan pengambilan ubat oleh pakar kesihatan seperti doktor dan ahli farmasi.

Arahan ini merangkumi cara pengambilan ubat yang betul, perubahan cara hidup seperti berhenti merokok, mengubah tabiat, pemakanan yang tidak sesuai serta mengamalkan aktiviti fizikal yang ceria seperti bersepeda.

Malangnya ramai pesakit tidak mematuhi arahan pengambilan ubat yang diberikan oleh ahli kesihatan. Akibatnya, berlaku peningkatan jumlah kematian pesakit kesan daripada komplikasi/pertambahan kadar keparahan pesakit ke hospital dan banyak masalah rawatan lebih lanjut.

Terdapat beberapa keadaan apabila cara pengambilan ubat boleh dianggap sebagai tidak patuh. Antara yang paling kerap dilakukan pesakit ialah ubat tidak diambil mengikut masa sedangkannya. Selain itu, beberapa pesakit gagal mendapatkan bekalan ubat sedangkannya atau gagal pa untuk pengambilan ubat di fasiliti

kesihatan.

Sikap tidak patuh turut disebabkan oleh pesakit mengalami kesimpangsiuran tidak memahami kesimpangsiuran pengambilan ubat dan tidak persepahaman atau komunikasi yang kurang berkesan antara pesakit dan pengamal perubatan.

Antara sikap kurang bijak dalam pengambilan ubat, ubatan ialah:

- Menunggu atau mengurangkan dos dengan sengaja.
- Mengambil ubat bukan atas tujuannya yang diberikan.
- Kesilapan dalam kesedaran mengambil ubat.
- Mengambil ubat dengan cara yang salah.
- Mengambil ubat ubatan dipreskripsikan dan tidak dipreskripsikan tanpa arahan pakar.
- Mengambil baki ubat atau berongsa ubat dengan pesakit lain tanpa mengemul diagnosis sebenar pesakit yang didiagnosis.
- Mengambil ubat yang sudah lama dipreskripsikan dan bukan ubat yang dipreskripsikan berdasarkan diagnosis terkini.

Tiada disiplin dalam pengambilan ubat akan menyebabkan kesan tidak diinginkan berlaku seperti kegagalan rawatan atau penyakit berulang.

Sebagai contoh, pesakit berjangkit seperti tifu mungkin mualsai semula jika terapi antibiotik diberikan sebelum tempoh disangka.

Ketidaktahuan terhadap pengambilan ubat ubatan juga boleh menyebabkan pesakit merendahkan kesan dos berlebihan. Kesan ini boleh berlaku akibat daripada pesakit menambah dos ubat tanpa arahan dari pada doktor.

Selain itu, ketidakpatuhan terhadap pengambilan ubat ubatan juga secara tidak langsung akan mengurangkan kos rawatan perubatan seperti kos pemeriksaan oleh doktor, kos pemeriksaan di hospital atau insurans rawatan dan kos ulian makmal.

Akhirnya tempoh rawatan yang dirumuskan oleh pesakit juga menjadi lebih panjang.

Terdapat beberapa cara untuk meningkatkan kepatuhan terhadap ubat ubatan. Antaranya, bekalan ubat dengan pengamalan perubatan yang

merawat anda. Setiap pesakit tidak boleh mengabaikan rawatan yang diberikan sekiranya mereka berfikir diri atau tidak berkeselamatan sewaktu rawatan diberi.

Suatu seperti ini sering berlaku pada golongan pesakit warga emas kerana mereka menganggap gangguan rawatan berlaku di dalam pengamalan perubahan semula. Tindakan ini salah kerana rawatan masa kini memerlukan penyelesaian dan penyelesaian pesakit berkaitan cara rawatan yang akan lebih.

Pesakit tidak harus malu untuk meluahkan pendapat mereka terhadap rawatan ubat ubatan yang diberi. Komunikasi berkesan di antara pesakit dan pengamal perubatan boleh membantu pesakit mendapatkan penyelesaian dan sekiranya, menubuhkan persepahaman terhadap ubat.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat ubatan, boleh hubungi Pusat Pengajian Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722.

Nikmat sementara, sengsara selamanya



Bentuk penyalahgunaan ubat perangsang seks

dan Levitra (mengandungi vardenafil).
Ubat perangsang seks berdaftar dalam rawatan mati pucuk dibenarkan digunakan selepas mendapat nasihat doktor. Bekalan juga boleh didapati daripada premis farmasi berlesen dengan preskripsi doktor. Ubat perangsang seks yang berdaftar akan mempunyai nombor pendaftaran 'MMD' dan label hologram pada pembungkusan ubat.

Penyalahgunaan ubat perangsang seks

Masalah seksual masih sesuatu yang 'tabu' ataupun memalukan bagi rakyat Malaysia. Oleh itu, tidak ramai pesakit tampil ke hospital untuk mendapatkan rawatan secara sah. Situasi ini dieksplotasi pihak tidak bersetia untuk menigunakan kesempatan tanpa menghiraukan kesan buruk dan bahaya kepada masyarakat.

Permintaan tinggi daripada individu yang hanya inginkan keseronokan tanpa menyedari bahaya menyebabkan peningkatan bilangan produk perangsang seks tidak berdaftar di pasaran dan premis yang menjualnya.

Situasi ini dikuatkan lagi dengan perkembangan sains dan teknologi yang memberi peluang kepada peniaga memasarkan produk mereka melalui media sosial dan laman web. Kebanyakan iklan dan promosi produk memaparkan testimoni yang sengaja direka tanpa sebarang asas dan tidak berdasarkan kepada bukti saintifik untuk menyokong dakwaan mereka.

Apakah produk perangsang seks?

Ubat perangsang seks ialah ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami masalah gangguan seksual seperti mati pucuk. Di Malaysia, beberapa jenis ubat perangsang seks didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKDD). Kementerian Kesihatan dan digunakan untuk merawat masalah ini.

Antara jenama ubat perangsang seks yang popular ialah Viagra (mengandungi sildenafil), Cialis (mengandungi tadalafil)

sara pengambilan yang betul, kesan adversa akan dapat dikurangkan. Antara kesan pengambilan ubat perangsang seks ialah tekanan darah rendah apabila pengguna akan merasa pening hingga hampir pingsan. Ia juga boleh menyebabkan kerosakan hati, buah pinggang dan gangguan mental. Kolaborasi dengan bahan nifrat yang terdapat dalam produk ubat lain boleh menyebabkan kesan kardiovaskular yang tidak diingini sehingga boleh menyebabkan mati mengejut.

Perlu diingat bahawa kesan yang disebutkan ini untuk bahan aktif yang pernah dibuat ujian klinikal seperti sildenafil dan tadalafil. Bahan aktif yang diubah suai (analog) yang kini banyak dicampurkan dalam ubat perangsang seks tidak berdaftar tidak pernah diuji dan dikuatiri lebih memudaratkan kesihatan seseorang yang mempunyai jantung bermasalah atau tiada masalah mati pucuk. Tidak sepatutnya menggunakan ubat jenis ini.

Nasihat kepada pengguna

Semua pihak terutama pengguna perlu sentiasa bersikap kritis dan teliti dalam membeli produk untuk kesihatan dan jangan membuat pembelian secara terburu-buru. Pengguna perlu berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata manis penjual produk seperti ini.

Penjual produk tidak bertanggungjawab hanya meningkatkan keuntungan dan akan mengabaikan pelbagai pendekatan untuk melarikan produk mereka. Antara perkara yang perlu diberikan

perhatian ialah:

- Dapatkan produk kesihatan daripada premis atau peniaga sah (klinik, farmasi) dan bukannya melalui penjual kaki lima atau pasar malam.
- Pasikan ubat yang dibeli dalam bungkusan asalnya, elakkan membeli jika ia sudah dibuka atau dibungkus semula.
- Elak membeli produk yang dijual pada harga melebihi kebiasaan (misalnya kopi pra-campur atau gula yang dijual melebihi RM5 seunit).
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mencuba sesuatu produk untuk rawatan kesihatan.
- Pembelian produk perangsang seks melalui Internet, orang perorang, syarikat jualan langsung, kaki lima, pasar malam, pasar tani dan kedai yang tidak berlesen boleh membahayakan kerana produk itu tidak dijamin dari segi mutu dan keselamatan.

Senarai produk yang dikesan dicampur dengan bahan perangsang seks haram boleh didapati dengan melayari www.pharmacy.gov.my, klik pada pautan perkhidmatan dan seterusnya klik senarai produk dikesan mengandungi bahan terlarang.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88 6722.



Kebatalan ini, satu demi satu ahli sukan negara gagal dalam ujian doping yang dijalankan ke atas mereka. Bagaimanapun, seperti ini boleh berlaku dan adakah ia dilakukan dengan sengaja atau tanpa disedari?

Isu penyalahgunaan dadah dalam sukan bukan perkara baru. Pada 1967, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa bertepatan mengemukakan pengurangan bahan atau kaedah yang boleh meningkatkan tahap kempayaan atlet.

Penghapatan ini kerana penggunaan dadah atau bahan untuk meningkatkan tahap kempayaan atlet sukan bukan saja menyebabkan kesan sampingan buruk, malah boleh membawa maut.

Apakah yang dimaksudkan sebagai 'dadah'? Dadah adalah satu bahan (selain daripada makanan) yang apabila diambil akan menyebabkan perubahan dalam badan. Jika perubahan itu memberi manfaat kepada badan, dadah ini disebut sebagai ubat.

Penyalahgunaan dadah dalam sukan



Jika perubahan ini membawa keburukan kepada badan, ia disebut sebagai racun.

Doping adalah penggunaan bahan atau kaedah yang dihalalkan untuk meningkatkan prestasi sukan oleh atlet. Adakala doping dilakukan secara sengaja oleh atlet tetapi ada juga doping dilakukan secara tidak sengaja. Ia berlaku apabila seseorang atlet mengambil ubat untuk merawat sesuatu penyakit atau kecederaan dan tanpa disedari ubat itu mengandungi bahan dadah.

Sedap atlet tertarik kepada polis malarang doping dan bertanggungjawab menyemak status bahan dan ubat-ubatan yang diambil. Jika seseorang atlet itu didapati positif mengambil dadah terlarang melalui ujian doping yang dibuat secara rambang, dia berisiko disingkir daripada bertanding pertandingan dan status pemenangnya juga boleh ditarik balik. Malah, atlet juga akan merana akibat kesan penggunaan dadah dalam jangka masa pendek atau panjang.

Sebab doping dihalalkan membolehkan beberapa atlet itu kesihatan apabila banyak bahan

yang digunakan untuk meningkatkan prestasi sukan oleh atlet boleh menyebabkan kesan tidak baik terhadap kesihatan jika tidak digunakan dengan betul.

Seterusnya, ia membalikkan isu etika kerana dalam sesetengah keadaan, bahan dan kaedah yang dihalalkan boleh meningkatkan tahap kempayaan atlet melebihi tahap biasa. Selain itu, ia membahayakan sukan yang diundang kerana sesetengah dadah memang diramalkan penggunaannya oleh atlet akan meningkatkan prestasi sukan. Oleh itu, penggunaan dadah dalam sukan juga dilarang.

Selain penggunaan bahan terlarang atau dadah yang dikaitkan dengan doping, kaedah manipulasi seperti manipulasi darah atau komponen darah, manipulasi fizikal dan bahan kimia dan doping semetik juga dilarang dalam sukan.

Kaedah ini juga boleh meningkatkan prestasi sukan oleh atlet dan boleh membantu mengubah ciri-ciri untuk ujian doping. Biasanya, ujian doping dilakukan ke atas seseorang atlet selepas selesai acara yang dijalankan. Atlet yang dipilih untuk ujian ini akan diberitahu bahawa mereka

wajib hadir ke pusat ujian doping dalam masa sejam. Secara umumnya, ujian doping akan dilakukan ke atas pemenang pingat dan seorang atlet lain dalam acara secara rawak.

Melalui perkembangan dunia perubatan dan lambakan pelbagai produk makanan tambahan atau ubat-ubatan di pasaran, dopung adakala dilakukan secara tidak sengaja atau tanpa disedari.

Sebelum seorang atlet itu mengambil sebarang ubat atau produk makanan tambahan, dia bertanggungjawab mendapatkan khidmat nasihat daripada doktor, ahli farmasi yang berhabliah dalam bidang sukan dan perawat pusat doping.

Perkara ini penting, terutama jika seseorang atlet itu ingin menyertai acara sukan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Ini kerana, ada banyak ubat yang boleh membawa kesan terhadap tahap kempayaan atlet.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Pengajian Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy College - NPCC) di talian 1800 88 6722.

Tip mudah telan ubat



Susah menelan ubat adalah satu faktor ketidakpatuhan dalam pengambilan ubat. Perkara ini kerap berlaku terutama dalam kalangan bayi, kanak-kanak, warga emas dan sesetengah individu dewasa.

Kesukahan menelan ubat bermaksud seseorang itu mengalami kesukaran ketika menelan ubat. Susah menelan juga boleh disebabkan perasaan takut ubat tersangkut di kerongkong atau di antara kerongkong dan perut, rasa ubat yang tidak sedap, saiz ubat yang besar dan keras serta masalah kesihatan pesakit yang menyebabkan kanak-kanak menelan.

Tetapi, perubahan digunakan bagi masalah sukar menelan ada lah disyaja yang selalu berlaku kepada pesakit seperti angin ahmar (strok) dalam kalangan warga emas. Kira-kira 30 peratus daripada pesakit yang mendapat angin ahmar menghadapi masalah susah menelan.

Penyakit neurologi seperti Parkinson dan ubatan tertentu seperti kumpulan ubat Phenothiazines (sejenis ubat untuk sakit jiwa) juga

boleh menyebabkan masalah susah menelan kerana ubat ini boleh mempengaruhi otot kerongkong.

Walaupun menghadapi masalah menelan ubat, seseorang pesakit itu masih perlu mengambil ubat seperti darah doktor bagi tujuan merawat atau mengawal penyakit mereka.

Perkara ini menjadi cabaran bagi anggota keluarga mahupun penjaja dalam memastikan pesakit mengambil ubat-ubatan seperti diarah.

Kegagalan mengambil ubat seperti darah boleh mengakibatkan proses penyembuhan tergendala atau penyakit menjadi semakin melarat. Teknik pemberian ubat, pemilihan formula ubat dan pemilihan ubat yang sesuai boleh membantu mengatasi masalah menelan ubat.

Pelbagai cara digunakan oleh pesakit atau anggota keluarga seperti menghancurkan ubat dan mencampurkannya di dalam makanan atau minuman, namun adakah cara seperti ini sesuai dan selamat?

Cecair boleh membantu dalam proses menelan ubat. Ubat boleh ditelan bersama air kosong atau

keju. Oleh itu pengambilan ubat secara oral (tablet atau kapsul) boleh diminum bersama sedikit air untuk memastikan permukaan rongga mulut licin, seterusnya memudahkan proses menelan ubat.

Selain itu, jus buah-buahan boleh digunakan. Bagaimanapun, pesakit perlu berwaspada dan mendapatkan nasihat ahli farmasi terlebih dahulu kerana sesetengah ubat boleh bertindakbalas dengan jus buah-buahan.

Menelan ubat bersama makanan pula mungkin sesuai diguna kanak-kanak yang susah menelan ubat. Selalunya ubat boleh ditelan bersama makanan kegemarannya seperti roti, puding, pisang dan ais krim. Selain itu, ubat boleh disalurkan bersama mangga, kacang atau coklat bagi memudahkan proses menelan ubat yang berasap pahit.

Satu lagi kaedah yang kerap dilakukan apabila sukar menelan ubat oral (tablet atau kapsul) adalah menghancurkannya. Sebagai contoh, ubat tablet boleh dihancurkan dan dilarutkan di dalam air atau ditahur dalam makanan.

Kaedah ini mudah, namun pesakit atau anggota keluarga dan penjaja perlu mendapatkan nasihat ahli farmasi terlebih dahulu mengenai ubat tablet atau kapsul yang sesuai untuk dihancurkan atau dibuka string kapsulnya. Perkara ini penting kerana ubat boleh bertindakbalas dengan minuman atau makanan.

Bagaimanapun, tidak semua ubat boleh dihancurkan. Ada pelbagai bentuk formula ubat dalam pasaran. Setiap formula ubat itu dalam penyampulan ubat ke tempat serapannya dalam tubuh.

Antara contoh formula ubat yang tidak boleh dihancurkan adalah Extended Release (ER), Controlled Release (CR), Controlled Release Tablet (CRT), Time Release (TR), Time Delay (TD), Sustained Action (SA) dan Sustained Release (SR).

Jenis peralihan yang sesuai untuk pemberian ubat juga boleh digunakan dalam membantu memudahkan pemberian ubat dalam bentuk cecair terutama kanak-kanak. Alat ini juga dapat memastikan ketepatan menyukat dos.

Sebagai contoh, alat penulis

berukuran dan picagari oral sesuai digunakan dalam pemberian ubat bentuk cecair kepada bayi dan kanak-kanak kecil. Sudu berdos pula digunakan untuk pemberian ubat kepada kanak-kanak yang tidak boleh minum daripada cawan ubat berukuran.

Ketika bertemu ahli farmasi atau doktor, pesakit atau anggota keluarga dan penjaja digalakkan berfikir-cang mengenai bentuk formula ubat, rasa ubat, peralihan yang sesuai digunakan (untuk kanak-kanak), interaksi dengan makanan atau minuman, interaksi dengan ubat-ubatan lain, memudahkan regim atau pengambilan ubat bersesuaian yang diambil dalam masa sehari, contohnya ubat darah tinggi yang diambil tiga kali sehari boleh digantikan dengan ubat darah tinggi alternatif sekali sehari jika bersesuaian.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1800 88-6722.

Syarat import produk ubat-ubatan



Kembalikan barang keperluan pakatan hingga makanan mda kan ubat-ubatan kini boleh diimport melalui Internet. Pesanan boleh dibuat di rumah dan kita hanya perlu menunggu barang yang dipe- san sampai. Pembelian yang dibuat atas talian bukan sahaja dari dalam negara tetapi juga membabitkan pengimportan barangan dari luar negara.

Namun, bukan semua barangan yang dibeli boleh diimport dan di- jual begitu sahaja. Tindakan anda ke- masuk ubat-ubatan, suplemen kesihatan dan produk kesihatan dari luar negara adalah dikawal. Sama ubat-ubatan atau produk kesihatan yang dibawa masuk dari negara luar akan terlebih dahulu di- periksa oleh Pegawai Farmasi. Ke- monitoran kesihatan yang bertugas di semua pintu masuk negara.

Kawalan Pengimportan Ubat dan Kosmetik di Pintu Masuk

Ubat-ubatan dan produk kes- ihatan yang dibawa masuk ke ne- gara ini dianggap diimport apabila- nya dibawa masuk sama ada me- lalui kargo udara, pengangkutan air, secara pos atau melalui madu- pin sebagai sebahagian daripada tugas- peribadi. Pengimportan ubat-uba- tan dan produk kesihatan ini per- mui melalui beberapa proses penting sebelum ia dapat dihantar ke- pada pengimport.

Sebagai langkah awal, ubat- ubatan dan produk kesihatan akan- diperiksa oleh pihak kementerian- sebagai bahagian daripada pintu ma- masuk.

suk, ia kemudiannya akan ditinjau- kepada pegawai farmasi bertugas- untuk memastikan sama ada ubat- ubatan dan produk kesihatan itu- boleh dilepaskan kepada pengim- port atau diarahkan dan diimport- Pengimportan ubat-ubatan dan- produk kesihatan ini dikawal oleh- tiga akta yang dikuatkuasakan oleh- Bahagian Perkhidmatan Farmasi.

Akta Yang Berkaitan

Akta Racun 1952 menggaris- kan bahawa ubat-ubatan dari luar- negara yang mengandungi racun- terkawal, contohnya ubat darah- tinggi dan ubat keteging manis ada- lah dibenarkan bagi individu yang- riba di Malaysia dan membawa ma- suk ubat-ubatan sebagai sebua- gan daripada tugas peribadi untuk- kegunaan persendirian atau untuk- kegunaan keluarganya.

Kuarteriti yang dibenarkan ada- lah tidak melebihi untuk kegunaan- satu bulan untuk seorang sahaja- dan dibekalkan dengan preskrip- si oleh pengamal perubatan yang- berkecualan. Bagi pengimportan- melalui pos, akan kuarteriti ubat- ubatan perlu dilabel dengan nama- pesakit, nama ubat, kuantiti beka- lan dan tarikh ia akan dihantar atau- zip.

Mengikut Akta Jualan Dadah- 1952, jula, produk kesihatan se- perti ubat-ubatan dan kosmetik- dari luar negara hanya dibenarkan- dibawa masuk jika ia hanya sebua- gan daripada tugas peribadi untuk- kegunaan persendirian atau un- tuk kegunaan keluarganya sahaja.- Tiada peruntukan khusus undang- undang untuk membawa masuk- melalui pos atau kuaris di bawah- akta ini.

Pengimportan ubat mengkur- kategori dadah berbahaya untuk- kesihatan.



3. Bagi kosmetik, ia perlu dimo- titifikasi dengan Biro Pengawa- lan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan.

Adalah menjadi tanggung- jawab kementerian untuk me-astikan semua ubat-ubatan- yang dijual di Malaysia adalah- selamat, berkualiti dan berkesan- sekiranya syarat syarat di atas- tidak dipatuhi, produk kesihatan- ataupun kosmetik yang dibawa- masuk akan ditarik dari dlam- pas oleh pihak berkuasa di sam- ping tindakan undang-undang- boleh dikenakan terhadap pen- gimport.

Nasihat kepada Pengguna

Memang tidak dinantikan ubat- ubatan yang dijual secara online- adalah amat menarik dengan pro- mosi dan tuntutan tuntutan luar- biasa yang kelihatan. Harga yang- ditawarkan juga ada kalanya lebih- murah daripada yang terdapat di-

pasaran. Namun, pengguna perlu- menyadari bahawa pembelian akan- menggunakan pelbagai risiko dan- telah serta meletakkan tuntutan- yang menarik untuk memastikan- ubat-ubatan, produk kesihatan- atau kosmetik yang dijual munda- purasambutan.


Pengguna tidak dapat meny- mak sendiri keselamatan produk- yang dijual mahupun status per- jadinya. Oleh itu, tiada jaminan- bahawa produk tersebut berdat- tar dengan Kementerian dan di- buktikan selamat, berkualiti dan- berkesan kepada pengguna. Sa- yanglah diri dan keluarga anda- buatkan pilihan secara bijak.

Sebarang pertanyaan lanjut maa- penat ubat-ubatan, pesakit atau orang- awam boleh menghubungi Pusat Pa- apilan Farmasi Kebangsaan (National- Pharmacy Call Centre - NPCC) di te- lefon 1800 85 6722.

Metro Ahad

30 NOVEMBER 2014

Sihat | E27



PILIH UBAT DALAM TEMPOH PENYUSUAN BAYI

Kementerian Kesihatan menggalakan amalan penyusuan susu ibu kepada bayi yang baru lahir. Amalan penyusuan susu ibu adalah diet terbaik untuk bayi kerana ia memberi faedah nutrisi yang lengkap dan berupaya meningkatkan sistem pertahanan tubuh daripada jangkitan kuman. Ia juga boleh mengurangkan risiko alahan kepada bayi.

Tempoh penyusuan ibu yang disarankan adalah sehingga anak berusia dua tahun. Sepanjang tempoh itu ada kalanya pengambil ubat-ubatan adalah satu keperluan kepada ibu.

Ramal ibu yang menyusukan anak tidak pasti sama ada boleh meneruskan penyusuan atau tidak jika mengambil ubatan. Justeru penting bagi ibu yang menyusukan anak mengetahui jenis ubat-ubatan yang beres-suaian diambil atau sebaliknya ketika tempoh penyusuan.

Kerisauan timbul kerana ada ubat-ubatan yang diambil boleh meresap masuk ke dalam susu ibu. Situasi seperti ini boleh menjadi halangan kemudaraan kepada bayi jika kepekatan ubat yang

ORS mengandungi elektrolit utama dan sukrosa pada kepekatan yang rendah. Elektrolit berfungsi menggantikan cecair dalam badan manakala gula berkepekatan rendah yang ada dalam minuman ini membantu menambah tenaga. Secara umumnya produk komersial ORS di Malaysia dipasarkan dalam saiz pek 55g dan perlu dibancuh dalam 250ml air.

WHO menyarankan agar kanak-kanak bawah umur dua tahun diberikan dos sebanyak satu per em-pat hingga setengah cawan bancuhan ORS. Kanak-kanak yang lebih dewasa pula diberi sebanyak setengah hingga satu cawan bancuhan ORS. Bancuhan ORS digalakkan untuk diberi kepada pesakit setiap kali selepas membuang air besar atau muntah.

ORS seharusnya diberikan seawal mungkin apabila pesakit mula

memunculkan gejala cirit-birit. Namun begitu, dalam kes cirit-birit yang serius, ORS sahaja tidak mencukupi untuk mengembalikan status hidrasi. Pesakit dalam keadaan seperti ini perlu dirawat sebagai pesakit dan diberikan infusi cecair.

PENGUNAAN ANTIBIOTIK UNTUK MERAWAT CIRIT-BIRIT

Pendapat ramai menyatakan penggunaan antibiotik tidak diperlukan dalam kebanyakan kes cirit-birit. Kewajaran penggunaan antibiotik adalah perkara utama yang perlu dititikberatkan.

Peningkatan kekebalan bakteria pada antibiotik dan kepada jangkitan berganda (superinfection) menunjukkan bahawa keputusan memberikan antibiotik untuk pesakit cirit-birit perlu berdasarkan pemerhatian dan pemeriksaan menyeluruh oleh pihak doktor.

Secara umum, kanak-kanak yang mengalami gejala yang ringan dan mula sembuh daripada cirit-birit tidak perlu dirawat dengan antibiotik. Antibiotik adalah pilihan dalam kes cirit-birit yang lebih serius dan berpanjangan.

Selain itu, jenis

mikroorganisma yang menyebabkan jangkitan saluran pencernaan juga menentukan sama ada antibiotik diperlukan atau tidak. Sebagai contoh, antibiotik terbukti diperlukan bagi kes cirit-birit yang disebabkan bakteria jenis shigellosis spp dan kolera.

Schistiknya, bagi kes yang disebabkan oleh bakteria jenis *Escherichia coli* dan *Campylobacter* spp pula, penggunaan antibiotik masih belum jelas tetapi boleh digunakan jika beresesuaian.

UBAT-RAWATAN LAIN UNTUK RAWATAN CIRIT-BIRIT

Suplemen seperti zink juga diketahui boleh membantu kanak-kanak yang mengalami cirit-birit. WHO baru-baru ini mengalakkan kekurangan zink dalam badan dengan zink kanak-kanak terkena jangkitan saluran pencernaan.

Zink juga diperlukan dalam proses penghasilan protein dan sistem pertahanan badan. Dos yang dicadangkan ialah 20mg setiap hari untuk kanak-kanak enam bulan ke atas dan 10mg setiap hari bagi kanak-kanak berusia kurang enam bulan selama 10 hingga 14 hari.

Kajian terbaru juga menunjukkan pengambilan probiotik dalam dos yang tertentu boleh memberikan manfaat kepada kanak-kanak yang mengalami cirit-birit. Probiotik yang mengandungi strain seperti *Lactobacillus GG* dan *Saccharomyces boulardii* bagus merawat cirit-birit berair akut. Bagaimanapun, pakar berpendapat keberkesanan probiotik ini masih perlu dikaji dan probiotik bukan pilihan utama untuk rawatan cirit-birit.

Suplemen lain seperti probiotik dan zink pula boleh diambil untuk memberi kesan sinergi kepada rawatan utama yang diberikan. Cirit-birit harus diuruskan dengan baik dan wajar supaya pesakit dapat sembuh dengan segera dan terhindar daripada kemungkinan komplikasi.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Pengigilgan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1 800-88-6722.

Disedikan oleh Mohd Shahiri Abd Ghapar (Pengawal Farmasi Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang)

MENANGKIS MITOS RAWATAN METHADONE

UBAT

Pemahaman kepada mitos ini adalah penting dalam menangkis stigma dalam kalangan pengguna dadah, ahli keluarga dan juga masyarakat terhadap awatan methadone.

Tindakan balas merta-
dome di dalam badan juga
berbeza dengan tidak
kian sedikit jika diambil
berbanding pengambilan
heroin atau morfin. Malah
pengambilan methadone
tidak akan menyebabkan
urin positif dan bebas da-
riapada tindakan penguat-
kuasaan pilak berkuasa.

Mitos: Pesakit methadone tidak mengambil sebarang dadah terlarang lain sebenarnya mem-

Fakta: Pesakit tidak mengetahui kepada methadone tetapi memerlukan rawatan methadone yang berterusan untuk mengekalkan status pemulihan. Methadone yang diambil dengan betul adalah selamat dan bermanfaat, bukan sebaliknya.

Mitos: Pesakit yang berada dalam rawatan methadone tidak boleh melakukan kerja berat dan menunjukkan prestasi kerja yang tidak baik.

Fakta: Pesakit methadone yang stabil mampu bekerja berat dengan prestasi kerja yang jauh lebih baik berbanding jika masih mengambil dadah. Pesakit methadone tidak akan mengalami sebarang lakuk atau khayal semasa

Maka perlu fokusnya berke-
Pesiakit ser-
kan keadaan
bagal norma
kerja sama
terlepas. Ka-
juikan pes-
yang stabil
koordinasi
tangan, tir-
respons da-
yang baik
normal ya

Fakta: 1
akan men-
putan gigit
daripada k
pengambi
banyaklah
mulut diso
penguran
air liur

Pesakit
dinasihati

...sakit boleh
...saja dengan baik,
...ing menyif-
...ing mereka se-
...al dan prestasi
...kali tidak
...hian mem-
...sakit metode
...punyal
...ata dengan
...ak balas
... perhatian
...erti individu
...ng lain.

Methadone tidak menyebabkan peningkatan tekanan darah, dan tulang. Satu tesan sampingan lain methadone pengeringan akibat oleh gan rembesan.

Setting
can agar media

Masalah pesakit mengalami sakit pinggang akibat sengat tulang mungkin disebabkan kesan glaukoma yang dialami pesakit dan bukan disebabkan oleh methadone. Pesakit perlu berjumpa dan berbincang dengan pegawai perubatan mengenai dos methadone yang mungkin tidak mencukupi.

Fakta: Methadone adalah obat yang selamat untuk digunakan bagi merawat masalah ketergantungan opioid dalam

Kajian menunjukkan bayi di dalam kandungan tidak mengalami sebarang kecacatan atau tumbesaran yang perlahan dalam tempoh pengambilan makanan oleh ibu. Pengambilan dadah terlarang secara berterusan ketika hamil akan lebih berisiko

Mitos: Sukar untuk memulai dan berhenti daripada rawatan methadone.

Fakta: Setiap pesakit yang ingin dimulakan rawatan methadone perlu disaring terlebih dahulu seperti pemeriksaan darah dan fungsi hati, prosedur penting bagi memudahkan pegawal perubahan methadone dos methadone yang selamat untuk diamat pesakit.

Disebabkan methadone adalah obat sintetik, dos yang diperlukan untuk rawatan adalah berbeda-beda bergantung pengambilan dos heroin atau morfin. Oleh itu saringan perubatan bendakalah dilakukan terlebih dahulu.

Pesakit metadone
berakali menjadi
ni rawatan sekurang-
kurangnya selama 12
bulan bagi memastikan
pesakit mendapat rawatan
yang berkesan. Selepas
tempoh itu, jika pesakit
yakini dengan pemulihan
mereka, pesakit dibe-
narikan untuk melakukan

Feibagel mitos ini adalah perkara yang sering diperkatakan dalam kalangan pesakit methadone dan pengguna dadah. Semua pemahaman yang lebih jelas berkaitan rawatan methadone dapat disampaikan kepada mereka yang memerlukan dan yang semoga ia menjadi permulaan kepada langkah pertama penagih yang ingin berubah kepada perkara yang lebih baik.

Sila hubungi klinik kesihatan atau hospital berhampiran jika ada sebarang pertanyaan mengenai program rawatan methadone atau sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Pengajian Farmasi Kebangsaan (SPCK) melalui talian 1 800-88-6722.

Artikel ini disediakan
Malsarah Wan Ahmad
Kamal (Pegawai Farmasi,
Klinik Kesihatan Taman
Medan)

BAHAYA SALAH GUNA MISOPROSTOL

UBAT

Kes penguguran kandu-
ngan secara haram
semakin meningkat dan
memerlukan perhatian
serius daripada semua pi-
hak. Lambakan penjualan
ubat bagi tujuan meng-
gugurkan kandungan
yang dilakukan secara
terbuka melalui laman
sosial amnya menjadi
penyumbang utama ke-
pada permasalahan ini.

Misoprostol adalah
ubat terkawal yang dise-
nakan sebagai racun
kumpulan B di bawah ja-
duel Pertama Akta Racun
1952. Ubat ini hanya bo-
leh dibekalkan oleh Ahli
Farmasi dengan pres-
kripsi daripada Pengamal
Perubatan Berdaftar.

Di Malaysia, ubat
misoprostol didaftarkan
dengan indikasi atau
untuk tujuan rawatan
penyakit ulser perut dan
duodenal.

Cara yang betul men-
gambil ubat misoprostol
adalah dengan memelan-
nya. Namun, dalam kes
mengugurkan kandu-
ngan, ubat ini disalahgu-
nakan oleh segelintir go-
longan wanita hamil lalu
dengan memasukkannya
ke dalam faraj.

Hanya dalam tempoh
tiga jam wanita itu akan
mengalami turun darah
dan keguguran kandu-
ngan boleh berlaku.

Penggunaan miso-
prostol tanpa nasihat atau
pengawasan daripada
doktor yang berrauliah
boleh membahayakan
wanita hamil kerana ubat
ini boleh menyebabkan
rahim pecah, kesakitan
pada bahagian pinggul,
pendarahan yang teruk

dan juga kematian.
Antara kesan sampi-
ngan penggunaan ubat
misoprostol yang dila-
porikan adalah kekejan-
gan otot, pening, loya,
muntah, cirit-birit dan
demam. Cara penggu-
naan misoprostol yang
salah juga boleh meny-
ebabkan kemungkinan
tinggi seseorang wanita
itu menjadi mandul.

Aktiviti penjualan mi-
soprostol melalui laman
sosial sangat membim-
bangkan. Bagaimanapun,
Kementerian Kesihatan
(KKM) sentiasa me-
antau semua laman
sesawang, media sosial
dan ruangan iklan di
Internet bagi menyekat
penjualan ubat ini secara
terbuka.

Orang ramai
dinasihatkan tidak
membeli ubat ini melalui

laman sosial atau daripa-
da orang perseorangan.
Selain tindakan ini men-
yalahi undang-undang,
ketulenan dan kesahihan
ubat juga turut diragui.
Pastikan tiada pembelian
ubat dibuat secara dalam
talian.

Penjualan ubat mi-
soprostol hanya boleh
dilakukan oleh syarikat
yang dilantik oleh peme-
rang pendaftaran. Ke-
menterian tidak pernah
melantik mana-mana
syarikat atau orang per-
seorangan sebagai ejen
bagi produk ubat-ubatan
yang didaftarkan.

Mengikut Akta Racun
1952, penjual yang di-
dapat bersalah menjual
ubat ini secara haram
akan diperuntukkan
hukuman denda tidak
melebihi RM3,000 atau
penjara tidak melebihi

setahun atau kedua-
duanya sekali.

Kementerian juga
menggalakan pelbagai
kempen dan program
pendidikan penggu-
na bagi meningkatkan
kesedaran masyarakat
berkaitan ubat. Perkara
ini penting bagi mema-
takan keselamatan dan
keselamatan pengguna
ubat sentiasa dilindungi.

Antara kempen yang
dijalankan secara berse-
rusan adalah Kempen
Kenali Ubat Anda. Kem-
pen ini dilaksanakan di
sekolah, hospital, klinik
dan tempat awam bagi
mendidik dan memberi
maklumat kepada ma-
syarak umum meng-
enal kepentingan mempe-
roleh atau membeli ubat
yang berdaftar dengan
kementerian.

Semua produk ubat

yang berdaftar dalam ne-
gara ini mempunyai dua
ciri utama bagi mema-
takan ia adalah daripada
sumber yang sah, iaitu
nombor pendaftaran
yang dikeluarkan Pihak
Berkuasa Kawalan Dadah
dan logo hologram KKM
pada kotak produk.

Sekiranya mempunyai
pertanyaan atau berke-
nalan ubat, anda boleh
bertanya pada mana-
mana ahli farmasi di
hospital, klinik kesihatan
dan farmasi komuniti
atau menghubungi Pusat
Panggilan Farmasi Ke-
bangsaan di talian 1800-
88-6722. Kami sedia
membantu.

Disedikan oleh Ha-
zlin Syafinar Hussein,
Bahagian Perkhidmatan
Farmasi, Jabatan Kesha-
tan Negeri Perlis

PERANAN UBAT TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI

UBAT

Kebelekangan (ini banyak produk ubat berunsurkan tradisional dan komplimentari ada di pasaran. Namun apakah peranan ubat tradisional dan komplimentari dalam rawatan? Merujuk kepada Akta Perubatan 1971, ubat tradisional komplimentari ditakrifkan sebagai ubat ubatan yang diamalkan bersama, selain amalan perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Pada umumnya ubat tradisional dan komplimentari berasal daripada bahan semula jadi dalam tumbuhan, haiwan atau bahan galian asas yang dipercayai boleh merawat penyakit atau mengekalkan kesihatan semula jadi sebagai ubat ubatan dalamalkan oleh setiap masyarakat secara turun temurun berdasarkan pengalaman dan pemerhatian yang dilakukan tanpa direkodkan secara rasmi.

Penemuan ini memberi sumbangan besar kepada sistem kesihatan. Kajian saintifik untuk mem-

buktikan keberkesanan bahan semula jadi dalam rawatan sesuatu penyakit banyak dijalankan di Malaysia.

Antaranya, ekstrak bahan aktif daripada daun pegaga didapati membantu menurunkan paras gula dalam darah. Bagaimanapun, pengguna harus tahu bahawa untuk membuat sebarang tuntutan sesuatu jenis ubat itu mempunyai indikator untuk merawat sesuatu penyakit, kajian saintifik sabaja tidak mencukupi.

Untuk membuktikan indikator sesuatu jenis ubat dalam merawat penyakit, kajian klinikal harus dijalankan. Selepas lengkap semua kajian lalu kajian saintifik dan klinikal, sudah terbukti berkesan untuk merawat sesuatu penyakit, barulah ubat itu dibenarkan membuat tuntutan perubatan berdasarkan indikator yang disahkan.

Ubat tradisional dan komplimentari semakin mendapat perhatian pengguna kerana kos yang murah, senang didapati selain keberkesanan promosi oleh pengguna ubat ubatan ini.

Ubat tradisional ba-

nyak dikomersialkan dan boleh didapati dalam bentuk pil, serbuk, cecair dan pekat. Oleh itu, semua ubat tradisional perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tujuan pendaftaran ini untuk menjamin kualiti dan keselamatan ubat dari segi kandungan mikrobakteria dan logam berat seperti kadmium, plumbum dan merkuri supaya berada di tahap dibenarkan.

Nombor pendaftaran akan diperoleh selepas ubat didaftarkan. Ubat tradisional akan ditanda huruf T di hujung nombor pendaftaran. Sebagai contoh MA120924420T.

Semak nombor pendaftaran ini sebelum membeli sesuatu ubat. Walaupun ubat tradisional dan komplimentari berasal daripada sumber bahan semula jadi, tidak bermakna ia selamat dan tiada kesan sampingan kepada pengguna.

Pada kebiasaannya, kesan sampingan ini adalah untuk tempoh singkat seperti cirit, biri dan gatal. Sekiranya kesan sampingan ini serius, pengguna boleh merujuk kepada

kedua-dua jenis ubat ini. Selain itu, sebagai pengguna yang bijak, sentiasa dapatkan maklumat lengkap mengenai ubat atau dapatkan ubat berkualiti dari premis yang sah.

Pastikan juga tiada pembelian ubat dibuat secara dalam talian (online), di pasar malam atau pasar tamu dan di kaki lima. Ini disebabkan ada juga ubat tradisional yang dijual di pasaran dicampur dengan bahan kimia seperti sildenafil, tadafafi dan steroid tetapi tidak dinyatakan pada label ubat.

Ubat seperti ini sentiasa tidak berdaftar dengan KKM. Perkaranya seperti ini boleh memberi kesan buruk kepada pengguna terutama bagi penghidap penyakit kronik seperti penyakit jantung, darah tinggi dan diabetes. Tindakan tegas akan diambil oleh KKM ke atas mana-mana syarikat atau pengeluar termasuk membatalkan pendaftaran ubat itu dan membatalkan lesen pengilang mengikut Akta Jualan Dadah 1952.

Penggunaan ubat moden atau ubat tradisional

yang tidak betul seperti dos ubat yang berlebihan, pengambilan secara berterusan, gabungan herba yang kurang sesuai, pengambilan banyak jenis ubat serentak serta tanpa pengawasan doktor boleh memberi kesan mudarat kepada pengguna.

Sentiasa rujuk pada label dan kandungan produk sebelum anda mengambil sesuatu ubat. Amalan membaca label ini penting untuk memastikan kesesuaian ubat ubatan yang anda ambil.

Semua informasi penting berkaitan ubat ada pada label atau sisip bungkus ubat itu. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Pengajian Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1 800-88-6722. Pusat ini beroperasi Isnin hingga Jumaat bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang.

Disediakan oleh Hazlin Syafinar Hussein, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

PESAKIT DIABETES PERLU AWASI PARAS GULA KETIKA PUASA

Puasa adalah rukun Islam yang wajib dilakukan pada Ramadan. Puasa bermaksud menahan diri daripada lapar dan dahaga serta perkara yang boleh membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari.

Di Malaysia, tempoh berpuasa lazimnya antara 12 hingga 14 jam, bergantung kepada lokasi sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak. Bagi penghidap penyakit kronik, sekiranya kesihatan tidak mengizinkan, mereka dibolehkan untuk tidak berpuasa.

Bagaimanapun, berdasarkan kajian ramai penghidap penyakit kronik

memilih untuk tetap meneruskan berpuasa terutama pesakit diabetes. Jadi, timbul pelbagai persoalan bolehkah pesakit diabetes berpuasa?

BERSEKUTUANG BERBUKA JIKA ALAM HIPOGISEMIA

Antara masalah yang sering dialami pesakit diabetes adalah hipoglisemia atau kurang gula dalam darah terutama bagi pesakit yang menerima rawatan insulin.

Hipoglisemia ialah keadaan paras gula dalam darah lebih rendah daripada paras normal atau kurang daripada 3.9 mmol/L. Antara tanda-tanda hipoglisemia yang perlu diketahui oleh

pesakit ialah pening, berpeluh dingin, berasa lapar, tubuh menggigil, berasa keliru, gangguan emosi dan mengantuk. Hipoglisemia yang lebih serius boleh menyebabkan koma dan akhirnya kematian.

PENGURUSAN DOS SUNTAN INSULIN

Doktor memulakan pesakit dengan insulin bertujuan untuk mengawal paras gula dengan lebih berkesan. Disebabkan kesan yang lebih efektif, insulin juga mempunyai potensi yang lebih tinggi

menyebabkan hipoglisemia. Justeru, dos insulin perlu diubah suai sepanjang bulan

Ramadan bagi memastikan paras gula sentiasa terkawal dan hipoglisemia dapat dielakkan.

Pesakit perlu diingatkan tentang penyahabsutan dos mestilah dengan arahan doktor.

MEMBERSILKAN SESUHI PARAS GULA DALAM TIWAZ

Pesakit diabetes digalakkan untuk mengambil berat paras gula dalam darah.

Pemeriksaan sendiri di rumah adalah penting kerana ia menunjukkan keberkesanan ubat-ubatan yang diambil dan memberi maklumat kemungkinan berlakunya hipoglisemia.

AMALAN SAMA SAMA

Pada Ramadan, pesakit diabetes digalakkan untuk mengamalkan diet seimbang sebagai salah satu cara mengawal paras gula. Sebagai contoh, elak karbohidrat dan lemak secara berlebihan ketika berpuasa.

Untuk bersahur pula makan karbohidrat kompleks seperti nasi, roti, gandum dan kekacang serta fewatkan waktu bersahur pesakit diabetes digalakkan untuk

mengelakkan aktiviti fizikal seperti biasa, tetapi elakkan melakukan aktiviti berlebihan beberapa jam sebelum berbuka puasa untuk mengelakkan

dehidrasi dan hipoglisemia. Selain itu, amalan menunaikan solat sunat Tarawih juga digalakkan sebagai salah satu seraman ringan selepas berbuka puasa.

Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pengamalan ubat-ubatan ketika bulan Ramadan, pengguna atau pesakit boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre- NPCC) di talian bebas tol 1800-88-6722.

Disediakan oleh Mohd Shaahri Abd Ghapar dan Mohd Dzhehan Mustapa (Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia)

GLUCOSAMINE SERTA KEGUNAANNYA

UBAT

Glucosamine ialah

kompaun biokimia yang terhasil secara semula jadi dalam badan manusia. Ia juga wujud dalam organisma lain seperti tumbuhan dan haiwan bercangkang.

Bahan ini juga sejenis gula amino yang bergabung menjadi rantai kanji ringkas dan berfungsi dalam pembentukan beberapa jenis protein dan lemak yang lain. Fungsi glucosamine yang lainnya ialah menjadi blok asas binaan kartilaj.

Kartilaj ini pula berfungsi memberi perlindungan antara dua hujung tulang atau sendi yang bertemu supaya pergerakan sendi lebih lancar. Peranan ini menjadikan glucosamine antara produk khasiat tambahan yang paling banyak

diambil oleh pesakit sendi osteoarthritis (OA) untuk mengurangkan kesakitan.

Glucosamine membantu memperbaiki fungsi pergerakan anggota untuk pesakit yang menghidapi OA pada paha dan lutut. Ia juga membantu mengurangkan pembengkakan pada sendi. Kebanyakan produk glucosamine dalam pasaran terhasil daripada proses hidrolisis polisakarida hidupan bercangkang. Ada juga beberapa produk yang terhasil daripada pemeraman bijirin.

Sumber penghasilan glucosamine akan menentukan tahap keselamatan sebagai suplemen kesihatan. Glucosamine yang terhasil pula wujud sebagai glucosamine sulfate dan glucosamine hydrochloride.

Perbezaan kumpulan garam yang diikat pada rantai glucosamine

ini pula memberikan perbezaan dalam kesan kesihatan produk glucosamine. Menurut beberapa kajian, glucosamine sulfate menunjukkan kesan yang lebih positif untuk pesakit OA berbanding glucosamine jenis lain.

KEBERKESANAN GLUCOSAMINE

Walaupun produk glucosamine banyak digunakan sebagai pemulih kesihatan, keberkesanannya masih dipersoalkan. Kajian membuktikan kesan positif glucosamine menunjukkan keputusan yang pelbagai.

Beberapa kajian saintifik menunjukkan glucosamine efektif merawat kesakitan pada sendi. Perkara ini dikaitkan dengan kesan glucosamine terhadap pembentukan

kartilaj yang baru dan mengurangkan degradasi kartilaj akibat peningkatan usia.

Kajian lain pula menunjukkan glucosamine dapat membantu memperlahankan perkembangan penyakit OA. Glucosamine juga diguna sebagai alternatif yang bagus untuk pesakit yang mengalami kesan sampingan pada sistem gastrousus selepas mengambil ubat penahan sakit daripada kumpulan NSAID dan paracetamol.

Bagaimanapun, ada kajian menunjukkan keputusan sebaliknya. Ada kajian membabitkan pesakit arthritis yang diberikan dos glucosamine dan plasebo secara rawak mendapati tiada perbezaan yang ketara dilihat kepada pesakit yang mengambil glucosamine dari segi pengurangan rasa sakit pada sendi.

Saintis juga tidak dapat

menghuraikan dengan terperinci bagaimanakah mekanisme pembaikan glucosamine kepada kartilaj pesakit OA. Ada juga perbincangan mengenai jenis sediaan produk glucosamine yang paling berkesan membantu dalam OA.

Pakar berpendapat suntikan terus glucosamine ke kawasan sendi yang mengalami keradangan adalah paling bermanfaat kepada pesakit. Bagaimanapun, produk suntikan glucosamine masih belum ada secara meluas dalam pasaran dunia.

Glucosamine dalam bentuk tablet lebih banyak dipasarkan sebagai produk pemulih kesihatan. Namun, pakar mendapati kadar penyerapan glucosamine yang diambil dalam bentuk tablet adalah kurang jika dibandingkan dengan cecair glucosamine yang diminum.

Kesan yang positif hanya dilihat dalam kalangan pesakit yang mengambil produk cecair glucosamine yang berkualiti tinggi (dihasilkan daripada sumber yang lebih bermutu).

Penggunaan secara sederhana dapat mengelakkan kesan yang tidak ditinggalkan daripada produk glucosamine. Penggunaan juga dinasihatkan untuk memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengambil sebarang khasiat tambahan termasuk glucosamine.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1 800-88-6722.

Disediakan oleh Mohd Shahiri Abd Chapar (Pegawai Farmasi, JKN Pahang)

KESAN ADVERS UBAT BATUK TERHADAP BUDAK

UBAT

Batuk dan sesesema berpunca daripada jangkitan virus dan simptom awal diidam pesakit seperti sakit kerongkong, kemah-jemah badan diikuti dengan hidung berair dan tersumbat, batuk serta sakit kepala.

Batuk dan sesesema tidak memerlukan rawatan yang spesifik untuk sembuh. Biasanya badan kita akan melawan jangkitan itu dan simptom akan beransur pulih dalam tempoh tertentu.

Rawatan diberi lebih kepada untuk melegakan simptom, mencegah komplikasi dan mengelakkan penyebaran jangkitan. Ubat yang biasa diberikan adalah daripada jenis antihistamin (chlorpheniramine), amilofisil (dexmethorphan) dan dekongestan (pseudoephedrine) yang

secara amnya adalah selamat untuk digunakan.

Bagaimanapun, ubat batuk dan sesesema ini boleh memudaratkan jika diberi kepada kanak-kanak berumur bawah dua tahun. Kanak-kanak ini berisiko mendapat kesan advers yang serius seperti masalah pernafasan, terlahu mengantuk dan sawan serta berpotensi menyebabkan kematian terutamanya akibat penekanan saluran pernafasan.

Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan, Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPPK), Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa menerima laporan kesan advers membabitkan penggunaan ubat batuk dan sesesema dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah dua tahun.

Sebagai langkah pengurangan risiko bagi

isu keselamatan ini, pihak Kementerian mewajibkan pihak syarikat meletakkan label yang jelas pada botol ubat mengenai larangan penggunaan ubat batuk dan sesesema bagi kanak-kanak bawah umur dua tahun. Ubat itu juga perlu disediakan dalam bentuk pek saiz pesakit (patient dispensing pack) dengan isi padu tidak melebihi kuantiti maksima 120 mililiter.

Sekiranya bayi atau kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah mengalami masalah batuk dan sesesema, terdapat beberapa kaedah rawatan yang boleh dipertimbangkan sebagai alternatif kepada ubat batuk dan sesesema. Antara kaedah digunakan seperti:

- * Menggunakan garam isotonik (normal saline) atau sodium chloride 0.9 peratus dalam bentuk titisan atau semburan hidung cecair.
- * Menggunakan alat

penyedut rongga hidung (nasal suction) untuk menyedut keluar mukus daripada rongga hidung.

- * Memberikan bayi atau kanak-kanak minum air secara kerap untuk menggalakkan penghidratan badan.

Dalam sesetengah keadaan, penggunaan ubat batuk dan sesesema amat perlu bagi tujuan rawatan untuk pesakit kanak-kanak selepas faridat dan risiko yang berkaitan dipertimbangkan sepenuhnya. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian.

Pertama, pastikan ubat batuk dan sesesema yang diberikan tidak melebihi dos dan kekerapan yang dicadangkan dalam label dan arahan penggunaan ubat. Kedua, pastikan ubat disusut dengan menggunakan alat

penyukat yang tepat seperti picagari. Sokaran dengan menggunakan tudung penyukat, camca atau sudu adalah tidak tepat dan mungkin boleh menyebabkan dos berlebihan.

Ketiga, pastikan ubat batuk dan sesesema yang dipreskripsikan kepada pesakit kanak-kanak tidak boleh dikongsiikan kepada pesakit kanak-kanak lain walaupun mereka mengalami gejala penyakit yang sama. Perkara ini adalah kerana dos ubat dalam kalangan kanak-kanak adalah berbeza mengikut kiraan berat badan mereka.

Kesimpulannya, ubat batuk dan sesesema adalah bahan aktif yang digunakan secara meluas dalam produk ubat batuk dan sesesema. Secara umum, ubat ini adalah selamat untuk digunakan,

Namun penggunaannya tidak disyorkan untuk kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah.

Dapatkan nasihat daripada ahli farmasi atau doktor sebelum menggunakan ubat antihistamin untuk kanak-kanak berkenaan.

Sila laporkan sebarang kesan sampingan ubat ubatan disyorki kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Kebangsaan melalui laman sesawang www.bppk.gov.my jika orang awam mempunyai sebarang pertanyaan am berkenaan ubat-ubatan, anda boleh bertanya kepada mana-mana ahli farmasi atau menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan di talian 1800-88 6722.

Disedikan oleh Khairul Naim Zainal Abidin, Klinik Kesihatan Lembah Klau, Raub, Pahang

USAH BERLEBIHAN AMBIL SUPLEMEN

UBAT

Ibu hamil akan memastikan pemakanan diebihkan sepanjang tempoh kehamilan kerana kebanyakannya tubuh mereka menghadapi masalah untuk mengesalkan keperluan kandungan nutrisi yang diperlukan.

Ini disebabkan sumbu makanan si ibu akan dikongsi bersama bayi dalam rahim sepanjang tempoh kehamilan.

Terdapat beberapa vitamin dan mineral yang penting bagi tubuh si ibu. Kalsium adalah mineral yang banyak diperlukan oleh pemakanan yang sihat bersama aturan diet yang baik semasa kehamilan banyak membantu bakal ibu mendapatkan sumber vitamin dan mineral yang diperlukan.

Asid Folik

Asid folik adalah suple-

men yang amat penting untuk diambil sebelum dan semasa hamil. Fungsi utama asid folik adalah untuk mengatur pembentukan dan tumbesaran sel saraf bayi secara normal.

Pengambilannya dapat memberi kesan positif kepada perkembangan otak dan saraf tunjang bayi serta mengurangkan risiko kerosakan saraf tunjang (neural tube defects) bayi dalam kandungan. Setiap ibu yang hamil disarankan untuk mengambil 400 mikrogram (mcg) asid folik bermula dari minggu pertama kehamilan hingga ke 12.

Kalsium

Kalsium adalah mineral terbanyak yang terdapat dalam tubuh. Ia diperlukan untuk pembentukan tulang dan pengesakan tulang serta gigi yang kuat. Ia juga berfungsi untuk pembebasan darah, pengantaran impuls saraf dan kontraksi otot.

Kekurangan kalsium boleh menyebabkan seseorang mengalami kelang otot pada muka, tangan dan kaki serta tekanan darah dan rentak denyutan jantung tidak teratur.

Selain itu, kekurangan kalsium menyebabkan ibu hamil kehilangan kalsium dalam tulang kerana bayi menggunakan kalsium si ibu untuk perkembangan. Kajian menunjukkan, pengambilan kalsium sebanyak 1,000mg sehari adalah diperlukan bagi seseorang wanita yang mempunyai diet kurang kandungan kalsium.

Vitamin D

Pengambilan Vitamin D sebanyak 10mcg sehari disarankan kepada ibu hamil pada trimester ketiga kehamilan. Ia diperlukan untuk penyerapan dan penggunaan kalsium dan fosforus serta mengatur kadar mineral di dalam

tubuh badan.

Sama seperti kalsium, ia juga penting untuk tumbesaran terutamanya tulang dan gigi bayi. Ia mencegah otot daripada menjadi lemah selain terbahagi dalam mengatur denyutan jantung.

Ia juga penting dalam pencegahan osteoartritis, osteoporosis, dan hipokalsemia (kekurangan kalsium). Vitamin D juga boleh dihasilkan oleh badan secara normal hasil tindak balas terhadap cahaya matahari dan kulit.

Zat Besi (Iron)

Zat besi memainkan peranan penting dalam pengangkutan oksigen dari paru-paru ke sel-sel. Jika hanya dalam tubuh ibu, malah ia juga memainkan peranan yang sama kepada bayi dalam kandungan. Ia bergabung dengan oksigen dalam paru-paru dan melepaskan oksigen

kepada tisu-tisu yang memerlukan. Ia juga digunakan dalam penghasilan hemoglobin (sel darah merah).

Sekiranya kekurangan zat besi, ia akan menyebabkan ibu hamil cepat letih dan kehabangkan menghidap penyakit anemia (kekurangan sel darah merah) akan meningkat.

Vitamin C

Vitamin C juga penting ketika hamil. Ia adalah agen antioksidan yang diperlukan bagi melindungi fungsi metabolisme dalam tubuh badan, termasuklah pertumbuhan dan penggantian tisu, fungsi adrenal, dan meningkatkan gusi yang sihat. Oleh kerana sistem tubuh badan manusia tidak boleh menghasilkan Vitamin C, ia mestilah diperolehi melalui makanan atau dalam bentuk ubat-ubatan suplemen.

Kesan Samplingan

Ramal beranggapan suplemen tidak memudaratkan apabila diambil secara berlebihan. Malah ramai percaya bahawa lebih banyak pengambilannya adalah lebih baik. Hakikatnya, apa sahaja yang diambil berlebihan tentunya akan membawa kesan yang memudaratkan.

Istisna, sendi peribincangan dengan ahli farmasi atau doktor anda diperlukan sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan suplemen. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan atau suplemen, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre - NPCC) di talian 1 800-88-6772.

Disedikan oleh Muhammad Mawardi Zakaria
Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

USAH TINGGAL UBAT KETIKA BERAYA

UBAT

Sambutan Aidilfitri

biasanya meriah dengan aktiviti balik kampung, kunjung-mengunjung dan mengadakan rumah terbuka.

Namun, masyarakat khususnya pesakit kronik seperti diabetes dan darah tinggi, tidak seharusnya menjadikan alasan siluk semasa musim perayaan sehingga tidak mengambil ubat ubatan mereka.

Teruskan

pengambilan ubat

Jadual yang padat semasa perayaan menyebabkan pesakit terdapa atau sengaja meninggalkan dos ubat yang sepatut diambil.

Pesakit haruslah mengambil tindakan proaktif merancang aktiviti yang hendak dilakukan bersesuaian dengan waktu pengambilan ubat.

Sebagai contoh, sekiranya ingin berkunjung ke rumah saudara-mara, pesakit boleh mengambil dahulu ubat yang perlu dimakan sebelum memulakan

perjalanan. Pesakit diabetes yang menggunakan insulin pula perlu memastikan insulin disuntik apabila tiba masanya.

Dos insulin yang perlu disuntik sebelum makan tengah hari adalah dos yang paling kerap ditinggal.

Justeru, pesakit perlu merancang jadual perjalanan dan bawa bersama alatan Pen Insulin semasa dalam perjalanan. Bagaimanapun, perlu ditinggalkan Pen Insulin yang dibawa perlulah disimpan dengan betul dan selamat kerana mengandungi ubat insulin.

Penyimpanan ubat dalam perjalanan

Selain merancang perjalanan dan memastikan kelengkapan dibawa bersama ke kampung, pesakit perlu memilikibekalan perkhidmatan berkaitan bekalan ubat mereka.

Bekalan ubat dalam simpanan perlu dipaatkan mencukupi sepanjang perjalanan dari semasa berada di destinasi yang

dituju. Jika pesakit tidak mengambil berat perkara ini, dikhuatiri bekalan ubat akan terputus dan seterusnya mengakibatkan pesakit tidak mengambil ubat mereka.

Kaedah penyimpanan sementara ubat ubatan, terutama perjalanan yang mengambil masa, perlu ditamatkan. Secara umum,

ubat perlu disimpan jauh daripada sumber haba, cahaya dan kelembapan. Oleh itu, bekalan ubat hendaklah disimpan dalam bekas yang tertutup dan kedap udara.

Namun begitu, penggunaan bekas pil (pill box) adalah tidak digalakkan. Sebaik-baiknya, ubat ubatan disimpan dalam bekas asal yang berlabel. Label ubat penting kerana mengandungi pelbagai informasi berkaitan ubat, dos dan cara pengambilannya.

Selepas tiba di destinasi, pastikan ubat yang dibawa tidak tertinggal atau terus disimpan di dalam kenderaan kerana haba yang panas boleh merosakkan

ubat itu.

Selain itu, bagi pesakit diabetes yang perlu menukar ubat insulin dalam Pen Insulin pada selang masa yang lebih kerap, bekalan ubat insulin yang belum dibuka perlu dibawa bersama-sama dalam perjalanan.

Insulin yang belum dibuka perlu disimpan antara suhu 2 hingga 8 darjah Celsius. Pesakit perlu mencari insialif untuk menyedilkan kaedah penyimpanan bekalan ubat insulin yang khusus.

Sebagai contoh, pesakit atau penjaga boleh menggunakan pekalis dan kotak pendingin (cold box) untuk menyimpan bekalan insulin semasa dalam perjalanan. Apabila tiba di destinasi, pindahkan semula ubat insulin ke dalam peti sejuk.

Perlu diambil perhatian, semasa hari perayaan, sudah tentu ramai ahli keluarga termasuk kanak-kanak berkumpul bersama-sama. Oleh itu, penyimpanan ubat yang betul dan selamat amat

penting apabila sampai di destinasi.

Pastikan ubat disimpan jauh dari berada pada kedudukan yang selamat daripada capaian kanak-kanak. Bekas ubat harus dilabelkan dengan terang dan jelas bagi mengelakkan situasi tertukar ubat dengan ahli keluarga yang lain.

Tip sekiranya bekalan ubat terputus

Selain membawa bekalan ubat mencukupi, pesakit perlu membawa semua rekod perubahan dan preskripsi sekiranya meninggalkan rumah semasa perayaan. Rekod perubahan penting apabila berlakunya situasi kecemasan kerana boleh menjadi rujukan doktor yang merawat.

Sekiranya, bekalan ubat terputus atas sebab tidak boleh dilekalkan, preskripsi boleh menjadi rujukan mendapatkan bekalan ubat daripada hospital, klinik kesihatan atau pesakit membeli di farmasi berdekatan.

Pesakit kronik

diingatkan agar tidak berkongsi ubat dengan pesakit lain. Dikhuatiri tindakan berkongsi ubat tanpa pengetahuan menyebabkan kesifapan pengubatan dan mendatangkan kemudaratan.

Secara ringkasnya, pesakit perlu memastikan ubatnya diurus dengan baik setiap masa termasuklah semasa musim perayaan. Jadual yang padat dengan perjalanan jauh tidak

seharusnya menjadi alasan untuk tidak mengambil ubat seperti diarahkan. Rancang perjalanan dan aktiviti semasa musim perayaan di samping mengutamakan keperluan terhadap rawatan ubat.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1800-88 6722.

Disedilkan oleh Mohd Shahiri Abd Ghapar
(Pegawai Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang)

UBAT

RISIKO SALAH GUNA UBAT TAHAN SAKIT

Apakah kesakitan?

Kesakitan secara amnya adalah tanda atau gejala yang dialami pesakit. Ia bertindak sebagai amaran untuk memberitahu

sesuatu yang tidak normal sedang berlaku pada tubuh. Kesakitan boleh

dibahagikan kepada akut atau lalai kesakitan yang datang secara tiba-tiba dalam tempoh yang sekilas dan jangka masa pendek. Contohnya seperti luka, lecur, jatuh ataupun patah.

Apabila luka, luka itu sembuh, rasa sakit akan hilang. Kesakitan kronik pula adalah sakit yang memakan masa yang lama dan selalunya lebih tiga bulan. Sakit begini sering tidak diketahui puncanya dan rasa sakit tersebut agak berlainan dengan rasa sakit akut.

Contohnya, sakit belakang, sakit lutut, migraim, ataupun sakit yang disebabkan penyakit kronik. Kesakitan kronik juga sering dikaitkan dengan sakit saraf berbanding fibro atau otot.

Jenis-jenis ubat tahan sakit
Secara amnya, ada dua kumpulan besar

klasifikasi ubat tahan sakit. Pertama, ubat tahan sakit jenis narkotik dan kedua, ubat tahan sakit jenis bukan narkotik.

Ubat tahan sakit jenis narkotik yang berdaftar dengan Kementerian

Kesihatan (KKM) adalah ubat tahan sakit yang dikawal ketat bawah Akta Racun 1952. Senarai racun lalai ketiga: Bahan-bahan Psikotropik dan ubat ini memerlukan preskripsi daripada doktor untuk

memperolehinya. Antara ubat tahan sakit jenis narkotik ialah Morphine, Oxycodone, Pethidine dan Pentamyl.

Ubat narkotik dikawal ketat kerana ia boleh disalah guna. Ia boleh menghasilkan kesan keterujaan atau 'high' dan ini boleh menyebabkan ketagihan. Namun demikian, ubat tahan sakit jenis narkotik adalah ubat tahan sakit paling berkesan terutamanya untuk merawat kesakitan melampau dan ekstrem.

Ubat tahan sakit jenis bukan narkotik atau dikenali juga sebagai 'simple analgesic' pula selalu digunakan untuk merawat sakit ringan atau sederhana. Oleh itu ubat tahan sakit jenis ini boleh didapati di

farmasi komuniti tanpa memerlukan preskripsi. Bawah kumpulan ubat tahan sakit bukan narkotik terdapat beberapa jenis ubat. Antara yang popular dalam kalangan masyarakat adalah Paracetamol.

Paracetamol istimewa kerana ia berkesan untuk mengurangkan kesakitan ringan dan sederhana dan juga mengurangkan demam. Di samping itu, ia juga kurang kesan sampingan jika diambil mengikut dos yang betul dan antara ubat tahan sakit yang paling selamat serta boleh diberikan kepada wanita mengandung ataupun kanak-kanak.

Seterusnya adalah kumpulan ubat Anti-Radang jenis Bukan Steroid atau dikenali juga sebagai 'Non-Steroidal Anti-Inflammatory Drugs' (NSAIDs).

Terdapat pelbagai jenis ubat tahan sakit dalam kumpulan ini tetapi cara bertindak mereka sama iaitu mengurangkan sakit, bengkak atau radang dan boleh mengurangkan gejala demam.

Contoh ubat adalah seperti Asid Mefenam, Ibuprofen, Naproxen dan Indometacin. Kesan sampingan ubatan ini lebih berbahaya berbanding Paracetamol kerana boleh menyebabkan iritasi atau keradangan perut. Jika diambil berlebihan, ia boleh menyebabkan ulser pada perut dan kerosakan buah pinggang.

Disebabkan kesan sampingan itu, ubat baru sudah dihasilkan bawah kumpulan NSAIDs yang mempunyai kesan iritasi atau keradangan perut yang berkurangan.

Ubat baru ini adalah Celecoxib atau Etoricoxib. Bagaimanapun, ubatan ini tetap boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang jika diambil dalam tempoh lama.

Terdapat juga ubat khas untuk rawat sakit membran saraf. Biasanya sakit yang disebabkan saraf mempunyai rasa sakit yang berlainan daripada rasa sakit atau sakit membatalkan otot atau tisu.

Kesilapan penggunaan ubat tahan sakit
Terdapat beberapa kesilapan dalam

penggunaan ubat tahan sakit yang dapat dikenal pasti. Antaranya, kebanyakan pesakit gemar mengambil dos yang berlebihan sama ada mengambil lebih jumlah butir ubat ataupun mengambil lebih kerap daripada yang sepatutnya.

Amalan begini biasa dilakukan kerana pesakit inginkan kelegaan daripada rasa sakit. Jika rasa sakit tidak dapat dikurangkan dengan dos yang pertama, mereka akan mengambil dos berikutnya walaupun belum tiba waktu pengambilannya.

Sekiranya pesakit mengambil ubat tahan sakit yang tidak sesuai, misalnya mengambil NSAIDs untuk rawat sakit kronik membatalkan saraf, sudah tentu gejala sakit itu tidak dapat dirawat kerana ubat NSAIDs tidak sesuai digunakan untuk sakit saraf. Akhirnya pesakit akan terdedah kepada kesan sampingan ubat yang diambil sahaja.

Dalam beberapa situasi lain ramal pesakit yang tidak sedar bahawa sesetengah ubat tidak boleh diambil sekiranya mempunyai masalah kesihatan lain. Contoh, pesakit jantung

tidak boleh mengambil ubat tahan sakit jenis NSAIDs kerana ia akan meningkatkan lagi risiko serangan jantung.

Pesakit yang mengambil ubat Warfarin (ubat cair darah) juga tidak boleh mengambil ubat tahan sakit jenis NSAIDs kerana ia boleh meningkatkan risiko pendarahan. Pesakit juga perlu tahu status alahan terhadap jenis ubat yang diambil kerana dikhuatiri sesetengah ubat tahan sakit boleh memberi kesan alahan kepada penggunaannya.

Kesimpulan
Kesilapan dalam penggunaan ubat tahan sakit boleh dielak. Pesakit patut mendapatkan diagnosis sebelum sesuatu penyakit terlebih dahulu supaya jurua kesakitan dan jenis kesakitan dapat dikenal pasti.

Selaras pertanyan lanjut berkaitan ubat ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPFC) melalui talian 1 800 88 6772.

Disediakan oleh
Munira Izat
(Pegawai Farmasi Hospital Kuala Lumpur)

UBAT

PENAWAR DERITA PENGHIDAP INSOMNIA

Pernahkan

anda mengalami masalah sukar tidur atau terjaga pada waktu malam dan sukar untuk kembali tidur? Jika ya, anda mungkin mengalami masalah yang dikenali sebagai insomnia.

Insomnia adalah sejenis gangguan tidur yang didefinisikan sebagai kesukaran untuk memulakan tidur atau kekal tidur pada waktu malam. Individu yang mengalami insomnia juga tidak mendapat kuantiti tidur yang secukupnya walaupun mempunyai masa dan peluang untuk tidur dan seterusnya mengakibatkan gangguan pada rutin hariannya. Masalah insomnia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja pada semua peringkat umur,

terutamanya wanita, warga tua, mereka yang tergolong dalam sosioekonomi yang lebih rendah, penagih alkohol yang kronik dan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Individu yang mengalami masalah insomnia yang kronik biasanya mendapat ubat-ubatan seperti benzodiazepines atau ubat antikemurungan. Benzodiazepines adalah sejenis ubat yang bersifat sedatif dan akan memberi ketenangan kepada pesakit. Penggunaan ubat ini perlu dikawal kerana dalam jangka masa lama boleh menyebabkan berlakunya keadaan yang dikenali sebagai tolerans, iaitu semakin lama ubat digunakan, kesan sedatif

akan berkurangan. Sehubungan dengan itu, pesakit memerlukan dos yang tinggi untuk mendapatkan kesan sedatif yang sama dan seterusnya membawa kepada keadaan ketagihan. Benzodiazepines boleh digunakan sebagai pengubah jangka masa pendek untuk pesakit insomnia dan merupakan ubat terkawal.

Selain itu, ada juga ubatan lain yang boleh digunakan untuk merawat insomnia seperti ubat antikemurungan. Ubat antikemurungan digunakan sebagai alternatif kepada benzodiazepines untuk pesakit yang tidak boleh mengambilnya seperti pesakit yang mengalami masalah sukar tidur atau terjaga pada waktu malam dan sukar untuk kembali tidur? Jika ya, anda mungkin mengalami masalah yang dikenali sebagai insomnia.

masalah kemurungan atau individu yang mempunyai sejarah penyalahgunaan ubat benzodiazepines.

Rawatan yang tidak menggunakan ubat juga kaedah yang berkesan dalam merawat insomnia. Justeru, pengamal perubatan amat menggalakkan kaedah ini, di samping penggunaan ubat-ubatan sebagai rawatan insomnia.

Prosedur kawalan rangsangan adalah kaedah yang boleh diguna pakai oleh sesorang individu bagi mengatasi insomnia. Pengurusan masa tidur yang baik adalah penting dalam mengatasi masalah insomnia. Individu terbahit digalakkan untuk menetapkan masa tidur yang sama pada setiap hari.

Sesorang itu disarankan untuk hanya tidur apabila berasa mengantuk dan mengelak daripada berjaga terlalu lama di atas katil. Sekiranya sesorang itu gagal untuk tidur dalam masa 20 hingga 30 minit selepas baring di atas katil, elakkan daripada memaksa diri untuk tidur sebaliknya digalakkan untuk melakukan aktiviti yang mampu membuatkan rasa mengantuk.

Individu yang mengalami insomnia digalakkan melakukan senaman ringan secara berkala pada waktu petang tetapi tidak terlalu hampir dengan waktu tidur kerana ia boleh menyebabkan sebaliknya iaitu menjadi lebih segar.

Perskitaran tidur yang selesa seperti mengelak daripada cuaca yang terlalu panas atau sejuk, bunyi

bising dan pencayayan yang sesual juga boleh membantu sesorang individu dalam mengatasi masalah insomnia. Selain itu, digalakkan juga untuk berhenti atau mengurangkan pengambilan minuman keras, kafein atau nikotin dan mengelak daripada meminum air dalam kuantiti yang banyak sebelum tidur agar waktu tidur tidak terganggu.

Pengguna atau pesakit juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre, NPCO) di talian bebas tol 1800-88-6722 untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan ubat-ubatan.

Disedhiakan oleh Syahira Abdul Refai (Pegawai Farmasi Hospital Port Dickson)

BAHAYA BELI UBAT DALAM TALIAN

UBAT

Pada zaman ini, hampir semua barang atau perkhidmatan boleh didapati secara dalam talian. Tidak terkecuali juga ubat-ubatan. Media sosial dan aplikasi Internet adalah platform besar bagi penjual mempromosikan produk mereka.

Pembelian atas talian adalah mudah, pantas dan kadangkala dijual dengan harga yang murah. Ayat promosi pengiklanan yang terlampau diserta testimoni pengguna membuat sesuatu produk itu menarik pada kaca mata pembeli.

Namun, ia datang dengan risiko. Sesetengah ubat tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM) atau menjual ubat tiruan yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna.

Risiko beli ubat secara dalam talian

Sebagai pengguna, kita

harus sedar berkaitan risiko apabila membuat pembelian ubat secara dalam talian. Pengguna boleh terdedah kepada risiko seperti, ubat tidak berdaftar, ubat tiruan mahupun ubat dicemari racun atau bahan terlarang. Ubatan seperti ini akan memberi mudarat kepada tubuh.

Apabila membeli ubat dalam talian, status keselamatan, kualiti dan keberkesanan produk tidak dapat dikenal pasti. Jika hanya bergantung pada maklumat penjual, mereka akan menyatakan perkara positif berkaitan produk, walaupun realiti sebaliknya.

Selain itu, produk ubat tidak berdaftar dan ubat tiruan dalam talian dihasilkan di premis tidak berlesen dengan persekitaran tidak bersih dan gagal mematuhi Amalan Pengilangan Baik (GMP) seperti diciptaikan pihak berkuasa.

Produk yang tidak mematuhi GMP terdedah kepada pencemaran kuman dan logam berat

seperti raksa (merkuri), arsenik, kadmium, atau plumbum. Bahan-bahan ini boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang dan membawa maut. Jualan mereka juga tidak mempunyai latar belakang kesihatan yang sah. Ubatan dalam talian juga tidak mempunyai maklumat lengkap berkaitan cara-cara penggunaan. Perkara seperti ini boleh meningkatkan risiko berlaku kes keracunan.

Malah terdapat juga ubatan mempunyai kesan sampingan tidak dilangka seperti kegagalan buah pinggang dan kegagalan jantung. Justeru ia boleh memburukkan lagi penyakit yang dihidapi pengguna.

Senak sebelum klik

Sehingga hari ini di Malaysia, pengiklanan dan penjualan ubat hanyalah terhad kepada ubat am atau dikenali juga ubat over the counter (OTC) dan

suplemen kesihatan. Justeru terdapat beberapa tip sebelum membuat pembelian ubat dalam talian yang boleh dimanfaatkan pengguna.

1. Pastikan ubat OTC atau suplemen kesihatan berdaftar dengan KKM.
2. Ubat dibeli tidak memerlukan preskripsi atau mengandungi racun berjadual.
3. Pastikan laman sesawang jualan ubat berdaftar dan bukan laman sesawang daripada luar negara.
4. Pastikan iklan ubat mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (KKLIU).
5. Pengguna dinasihatkan tidak mudah terpedaya dengan iklan yang terlampau mengandungi testimoni pengguna atau janji manis penjual.
6. Pastikan premis perniagaan menjual produk suplemen adalah sah.
7. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum membuat pembelian.

Lagan mudah terpedaya dengan iklan

Sebagai pengguna, anda haruslah bijak menilik sesuatu iklan yang dilihat dalam talian seperti di laman media sosial. Antara ciri-ciri iklan ubat yang boleh dipercayai adalah iklan yang disemak dan mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat, iklan yang memaparkan nombor 0213/2013 dan iklan yang dibuat secara bertanggunganjawab, mempunyai maklumat yang sahih dan juga boleh dipercayai.

Masyarakat haruslah berwaspada terhadap iklan ubat yang meragukan seperti iklan ubat yang ditulis 'dijamin berkesan', mendakwa boleh mengubah pelbagai jenis penyakit, iklan yang memaparkan pelbagai logo kualiti atau akreditasi yang boleh disalah ertikan untuk meyakinkan pengguna, ditulis 'Julus KKM' dan

memaparkan banyak testimoni pengguna atau menggunakan nama selebriti untuk meyakinkan dan menarik pelanggan.

Sumber maklumat

Pengguna dinasihatkan agar mendapatkan maklumat yang sahih berkaitan ubatan daripada anggota kesihatan seperti doktor dan ahli farmasi. Untuk mendapatkan maklumat, poster dan video pendidikan pengguna berkaitan pembelian ubat khususnya di atas talian, sila layari laman sesawang www.pharmacy.gov.my.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubatan, pengguna atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1800-88 6722. Ahli Farmasi Rakan Ubat Anda.

Disediakan oleh **Zanariah Abu Bakar (Ahli Farmasi Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru)**

PENTING AMALAN KESELAMATAN PENGUBATAN

FARMASI

Ubat boleh jadi penawar jika digunakan dengan betul, sebaliknya menjadi racun jika salah penggunaan. Sering berlaku kanak-kanak dimasukkan ke hospital akibat mengambil ubat orang dewasa kerana disangka gula-gula.

Antara amalan berkaitan keselamatan pengubatan adalah cara dan masa pengambilan ubat, membaca dan memahami arahan pada label, menggunakan alat sukatkan dos, pengambilan dos berlebihan, berkongsi ubat, dos ubat dalam kalangan kanak-kanak dan warga emas, pengambilan ubat ibu mengandung atau menyusukan anak, pesakit yang ada alahan ubat dan cara penyimpanan ubatan.

Cara atau arahan pengambilan ubat mestilah difahami dan dipatuhi pesakit seperti yang diterangkan ahli farmasi. Sebagai contoh, pesakit perlu tahu ubat tablet atau kapsul perlu ditelan terus, tanpa perlu dikunyah kecuali diberitahu. Ketika di rumah, pesakit perlu memastikan label pada sampul atau botol jelas, mudah dibaca, tidak rosak dan mempunyai tarikh luput ubat. Jika pesakit dibekalkan dengan ubat jenis cecair adalah dinasihatkan agar tidak menukar sukatkan cawan atau sudu bersenggat atau picagari yang dibekalkan pihak klinik atau hospital bagi mengelakkan terambil dos berlebihan atau terkurang. Pengambilan ubat dengan dos berlebihan boleh memberi madarat ke atas pesakit. Antara kesan umum akibat pengambilan dos berlebihan adalah loya, muntah, kejang perut, cirit-birit, pening, sawan, mengantuk, kekeliruan, kesukaran bernafas, pendarahan dalaman,

khayalan, gangguan penglihatan, koma dan boleh membawa kepada kematian mengikut Amalan berkongsi ubat tidak digalakkan kerana dos antara pesakit adalah berbeza. Ubatan bagi penyakit kronik tidak boleh diambil sesuka hati tanpa arahan doktor atau nasihat daripada ahli farmasi.

Pesakit juga perlu menyimpan senarai nama dan dos ubat yang diambil atau preskripsi ubat. Dalam kes kecemasan, ia berguna untuk dijadikan sumber rujukan oleh anggota paramedik. Dos ubat bagi bayi dan kanak-kanak adalah mengikut berat badan mereka kerana fungsi hati dan buah pinggang masih belum matang. Bagi pesakit warga emas pula, dos ubat mereka mesti mengikut status fungsi hati atau ginjal kerana mudah mengalami kesan sampingan ubat. Golongan warga emas

juga perlu diberi perhatian khas kerana mereka mempunyai masalah penglihatan atau tidak boleh membaca label ubat dengan betul dan memahaminya. Keadaan seperti ini boleh menjadi punca kepada kesilapan mengambil ubat.

Bagi kanak-kanak dan remaja, pengambilan ubat perlu pengawasan ibu bapa dan penjaga kerana ada sesetengah kes membabitkan golongan remaja yang menyalahgunakan ubat dengan mengambil dos berlebihan secara sengaja bertujuan untuk mencederakan diri sendiri atau bertujuan untuk membunuh diri.

Ubat warga emas, perlulah disenaraikan ubat yang perlu diambil, disusun dengan kemas dan teratur bagi mengelakkan kekeliruan semasa mengambil ubat. Elakkan amalan mengeluarkan ubat daripada bekas asal yang

berlabel dan dibiarkan bercampur aduk dengan ubat lain.

Asingkan ubat seperti ubat biji atau cecair yang boleh dimakan atau ubat yang tidak boleh dimakan seperti ubat sedut, suppositori, krim, salap atau ubat titis. Wanita hamil dan ibu yang menyusukan bayi juga perlu berhati-hati semasa menerima rawatan atau mengambil ubat.

Sesetengah ubat boleh memudaratkan janin dalam kandungan atau bayi menyusui. Oleh itu adalah penting wanita dalam golongan ini berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubatan.

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan ubat-ubatan, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre NPPCC) di talian bebas tol 1800-88-6722.

Diserikan oleh Rosmaliza Ohman (Pegawai Farmasi Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah)

KESAN BURUK DOPING TIDAK HANYA DI PADANG

FARMASI

Awal tahun ini dunia dikejutkan dengan laporan media berkenaan Maria Sharapova, bintang tenis wanita dunia yang gagal ujian dadah sewaktu menyertai Kejohanan Terbuka Australia, Januari lalu.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh International Tennis Federation (ITF) bertarikh 7 Mac 2016, Maria digantung buat sementara daripada menyertai sebarang kejohanan tenis bermula 12 Mac 2016 berikutan keputusan ujian itu.

Sejenis dadah lalu melidonium dikesan dalam sampel air kencing untuk ujian dadah yang diberi oleh Maria. Melidonium adalah ubat yang meningkatkan keupayaan jantung bekerja dalam keadaan darah kekurangan oksigen.

Ubat itu diguna oleh tentera Kesatuan Soviet sejak 1980-an, namun penggunaannya untuk tujuan rawatan tidak diiluhaskan oleh pihak Pentadbiran Makanan dan Ubat (FDA) Amerika Syarikat.

Meldonium diklasifikasikan antara bahan pengolah metabolisme dalam senarai bahan larangan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) sejak Januari 2016. Keputusan ujian itu mencetuskan kontroversi kerana Maria mendakwa menggunakan bahan itu selama lebih 10 tahun untuk merawat masalah kesihatannya.

Kontroversi ujian dadah Maria membangkitkan semula pertandingan berkaitan doping dalam kalangan peminat sukan. Doping atau penyalahgunaan dadah dalam sukan adalah penggunaan dadah atau bahan larangan untuk meningkatkan prestasi atlet. Itu ini bukan baru, ia mengahantui komuniti atlet dan peminat sukan, baik di dalam atau luar negara sejak sekian lamanya.

WADA yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa berfungsi sebagai badan yang mempromosi, menyelaras dan memantau aktiviti membanteras kegiatan doping. Agensi itu menyenaraikan bahan-bahan yang dilarang

dari pada digunakan dalam sukan. Antaranya, steroid anabolik androgenik, hormon peptida, hormon pembesaran, ubat dalam kategori beta-agonist, hormon dan bahan pengolah metabolisme, ubat diuretik, dadah perangsang, dadah narkotik, ganja, glukokortikoid dan ubat dalam kategori beta-blockers. Senarai bahan larangan itu dikemaskini oleh pihak WADA dari semasa ke semasa.

Individu atau atlet yang menyalahgunakan dadah untuk tujuan sukan berisiko menghadapi kesan yang tidak diingini akibat penyalahgunaan dadah. Kesan utama termasuk:

- Steroid anabolik androgenik boleh menyebabkan kemunduran, peningkatan kolestrol, tekanan perasaan dan keracunan hati (hepatotoxicity).
- Hormon pertumbuhan boleh menyebabkan penyakit diabetes dan tekanan darah tinggi.
- Dadah perangsang boleh menyebabkan tekanan darah meningkat, angin ahmar, insomnia, psikosis, kerutungan dan

mudah pami. Dadah narkotik boleh menyebabkan ketagihan dadah dan menjejaskan tumpuan.

- Ganja boleh menyebabkan pengurangan daya tumpuan dan psikosis.
- Ubat dalam kategori beta-agonist boleh menyebabkan ritma jantung menjadi tidak normal, jantung berdebar dan menaikkan aras gula dalam darah.
- Diuretik boleh menyebabkan ketidakseimbangan elektrolit tubuh dan pembesaran buah dada.
- Glukokortikoid boleh menyebabkan tekanan darah meningkat, diabetes, tekanan, psikosis, peningkatan berat badan dan tulang menjadi rapuh (osteoporosis).

Kegiatan doping menjelaskan pengetahuan saintis berkenaan keupayaan anatomi manusia. Ini kerana, rekod sukan menakutkan yang dikatat hasil kegiatan doping adalah rekod yang tidak tepat untuk diadilkan ukuran keupayaan sebenar manusia dalam sesuatu sukan.

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan ubat-ubatan, anda juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre, NPCC) di talian bebas tol 1800-88-6722.

Disedai oleh Khairul Naim Zainal Abidin (Pegawai Farmasi Hospital Melaka)



PERSEDIAAN UBAT JEMAAH HAJI

UBAT

berlaku dalam kalangan jemaah haji adalah.

Ibadah haji memerlukan tumpuan dan usaha agar dapat dikerjakan dengan sempurna. Iusteru memastikan fizikal tubuh badan serta kesihatan yang baik sepanjang tempoh menunaikan haji adalah perkara penting agar ibadat tidak terganggu setiap rukun dengan terbah dan sempurna.

Jemaah sihat mahupun yang menghidap penyakit kronik akan membawa bekalan ubat di rumah suci. Sama ada ubat untuk sakit ringan; sebagai contoh ubat tahan sakit, ubat pening kepala, minyak angin, vitamin dan ubat untuk penyakit kronik pula seperti ubat mengawal darah tinggi, ubat kencing manis, ubat sakit jantung, ubat sedut asma dan pelbagai lagi.

Oleh itu isu ubat ini memang tidak boleh dipisahkan daripada jemaah haji. Antara masalah yang dilihat

adalah:
8. Masih mengambil dan bawa ubat yang dihentikan oleh doktor.

Hakikatnya masalah ini boleh diatasi melalui sedikit persediaan sebelum berlepas ke tanah suci dan pembabitin ahli keluarga. Tabiat terlupa bawa ubat ini tidak seharusnya berlaku kerana pihak Tabung Haji (TH) menyediakan senarai semak yang lengkap kepada semua bakal jemaah haji. Sekiranya senarai semak ini diikuti dengan teliti sudah pasti tidak terlupa membawa ubat.

Masalah terlupa membawa bekalan ubat ini kerap berlaku pada golongan warga emas. Ramai warga emas menghidap penyakit kronik dan mereka dipreskripsikan dengan pelbagai jenis ubat.

Dalam keadaan usia mereka, ramai yang mempunyai masalah seperti rabun, terlupa dan tidak terapa tabam senarai

semak yang disediakan. Maka di sinilah peranan ahli keluarga atau peniaga untuk membantu jemaah dalam menyediakan bekalan ubat untuk dibawa ke tanah suci. Jemaah yang akan terbang ke tanah suci dinasihatkan membawa semua bekalan ubat ke unit farmasi di klinik kesihatan dan hospital kerajaan agar pegawai farmasi yang bertugas dapat memberikan kaunseling ubat dan membantu menguruskan bekalan ubat untuk dibawa ke tanah suci.

Pegawai farmasi akan membantu memastikan bekalan ubat dalam kuantiti yang cukup dan mempunyai label yang jelas dan rapi. Diharapkan melalui usaha ini, bekalan ubat akan dibawa ke tanah suci lebih terurus dan mencukupi.

Selain itu, pegawai farmasi juga dapat melakukan semakan ke atas semua ubat agar dapat memastikan ubat untuk

rawatan terkini sahaja dibawa dan meninggalkan ubat yang dihentikan.

Selain itu, informasi berkaitan ubat terkini yang dipreskripsikan untuk tujuan rawatan adalah penting jika berlaku situasi kecemasan. Oleh itu, jemaah haji dinasihatkan agar membuat salinan preskripsi dan meletakkan ke dalam buku rekod perubahan haji.

Diharapkan melalui cara ini dapat memberikan informasi terkini kepada perugas perubahan haji berkaitan ubat pesakit jika berlaku sebarang situasi kecemasan.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, penggunaan atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1800-88-6722. Ahli Farmasi Rakan Ubat Anda.

Disediakan oleh Mohd Dzelehan Mustopa (Ahli Farmasi Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM)

KENAL PASTI FARMASI INTERNET YANG SAH

UBAT

FARMASI INTERNET

Trend pembelian ubat melalui Internet dilihat semakin berkembang dan tidak dapat diabaikan lagi. Lebih membingungkan, wujud juga penjualan ubat secara dalam talian yang dikendalikan individu tidak bertauliah.

Definisi farmasi Internet adalah laman sesawang yang mengiklankan, membebankan, mendispens dan menjual ubat preskripsi dan pelbagai produk kesihatan dan kosmetik termasuk ubat tanpa preskripsi, suplemen, vitamin, mineral, herba, kosmetik, alat diagnostik dan sebagainya.

Farmasi Internet boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu

- Rangkaian kedai farmasi konvensional dengan kehadiran laman web.
- Perkhidmatan komuniti farmasi tersendiri dengan kehadiran laman web.
- Perniagaan farmasi dengan laman web sahaja tanpa premis fizikal.
- Laman web palsu, iaitu, amatlah wajar pengguna memuatkan

mereka mengenai farmasi Internet yang menjual produk kesihatan yang sah. Berikut adalah tujuh cara untuk mengenal farmasi Internet yang sah:

1. Mempunyai premis fizikal yang sah (nomor pendaftaran syarikat, telefon, alamat dbi)

2. Ada kelulusan iklan ubat daripada Lembaga Iklan Ubat (LJU). Contoh: KKLJU 1234/2016

3. Menjual ubat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan sahaja

4. Tidak menjual ubat bagi merawat dan mencegah penyakit kronik

5. Mempaparkan maklumat individu yang mengendalikan farmasi Internet

6. Tidak menjual ubat melalui Facebook atau lain-lain media sosial

7. Tidak menjual ubat kategori terkawal secara terus kepada orang awam

UBAT FARMASI INTERNET TIDAK SAH BERISIKO

Memang tidak dinafikan, membeli secara dalam talian daripada farmasi Internet memberi kemudahan kepada orang ramai kerana tidak melibatkan kecekapan waktu dan tempat.

Bagaimanapun, risikonya perlu diberi perhatian khususnya membatalkan pembelian ubat dalam talian.

Beberapa jenis produk yang hilang dipasarkan melalui kaedah dalam talian adalah ubat korus, ubat kuat, ubat pemutih dan ubat penyakit kronik.

Perkara ini amat berbahaya kerana individu yang mengendalikan laman web atau laman media sosial itu berkemungkinan adalah dalam kalangan individu yang tidak bertauliah.

Faktor emosi juga mempengaruhi pembelian secara maya kerana pembeli tidak berhadapan terus dengan penjual, maka bagi sesetengah penyakit yang dianggap hal peribadi seperti lemah fungsi seksual atau obesiti mungkin

mempilih jalan seperti ini bagi mengelakkan mereka bersema dengan pengamal perubatan dan berkesan masalah kesihatan mereka.

SEMAK SEBELUM KLIK!

Berikut adalah panduan selektifnya terpa ke beli ubat melalui Internet:

- Hanya beli ubat yang dikategorikan sebagai ubat am (Over-The-Counter/OTC), tradisional dan suplemen kesihatan sahaja (Nomor MAL diakhiri

dengan X, T atau N sahaja). Nomor MAL yang berakhir dengan A dikategorikan sebagai ubat terawal (memerlukan preskripsi).

2. Semak pendaftaran produk dalam laman sesawang Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), KKM (www.pharmacy.gov.my)

3. Menjual ubat yang memerlukan preskripsi secara dalam talian adalah satu kesalahan. Ubat preskripsi hanya boleh diperolehi melalui pengamal perubatan berdaftar dan/atau didispens oleh ahli farmasi berlesen.

4. Hanya dapatkan ubat daripada laman web yang dikendalikan oleh ahli farmasi yang berlesen.

5. Elak membeli ubat melalui laman web asing.

6. Ubat terpadaya dengan iklan penuh janji manis. Semak iklan yang diiklankan mengenai laman sesawang BPF, KKM.

7. Risiko pembelian ubat secara dalam talian daripada sumber yang tidak sah ialah, mungkin anda mendapat ubat yang tidak berdaftar, tiruan atau dicemari racun berjadual yang boleh memudaratkan nyawa anda. Produk yang dikesan mengandungi racun berjadual boleh disemak di

dalam laman sesawang BPF, KKM.

Peningkatan penggunaan teknologi maklumat kini menyumbang kepada pelbagai iklan yang boleh disebarkan dalam sekelip mata khususnya melalui media sosial seperti Facebook, Wechat, WhatsApp dan Twitter. Oleh itu, kawalan terhadap iklan oleh KKM amat mencabar dan perlu dibantu oleh orang ramai agar mereka tidak mudah terpedaya dengan iklan sebegini.

Sekiranya tiada permintaan maka tiadalah penawaran, maka pengguna perlu bijak memilih ubat khususnya ubat yang diminakan dan disuplai pada kulit. Perhatian yang diberi terhadap iklan ubat tidak boleh disamakan dengan iklan komoditi yang lain kerana ubat yang diminakan akan memberi kesan kepada badan kita.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, pengguna atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPFC) melalui talian 1800-88-6722, atau Bahagian Perkhidmatan Farmasi di talian 01-78413200. Ahli Farmasi Rakan Ubat Anda.

Disediakan oleh Normawati Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasa Farmasi, KKM)

MABUK PERJALANAN DAN RAWATAN UBAT-UBATAN

UBAT

Pernakah anda

mengalami gejala seperti muntah, pening, loya atau berda dalam kenderaan yang bergerak? Jika ada, gejala yang anda alami ini dikenali sebagai mabuk perjalanan.

Mabuk perjalanan boleh berlaku sewaktu anda melakukan perjalanan laut, udara atau darat. Ia tidak diklasifikasikan sebagai penyakit kerana ini adalah tindak balas normal disebabkan oleh pergerakan luar biasa yang berintensiti tinggi dan memabutkan satu tempoh perjalanan yang lama. Keadaan ini terjadi akibat kecelaruan koordinasi anggota badan dan otak. Sewaktu dalam perjalanan, hanya badan yang akan merasai pergerakan berbanding dengan penglihatan apabila mata hanya melihat objek yang statik. Ini menyebabkan otak menjadi keliru dan

menyebabkan mabuk. Penumpang kenderaan lebih berisiko untuk mendapat mabuk sewaktu dalam perjalanan berbanding dengan pemandu atau pengemudi sebuah kenderaan. Hal ini adalah kerana perhatian mata pemandu lebih fokus kepada gerakan di luar kenderaan. Hasilnya,

kesesimbangan dapat dicapai apabila mata mereka dapat menangkap kedudukan jarak dan bahagian dalam telinga (sistem vestibular) dapat mengesan posisi atau kedudukan tubuh. Seterusnya, gejala mabuk perjalanan dapat dielakkan.

Mabuk perjalanan tidak sahaja berlaku pada kanak-kanak, malah orang dewasa juga berisiko mengalaminya. Mabuk perjalanan ini bukanlah sesuatu yang serius kerana pada kebiasaannya ia akan hilang dengan sendiri terutama apabila anda terbiasa dengan menaiki kenderaan.

Ragaimanapun sekiranya keadaan ini berlaku setiap kali anda melakukan perjalanan, langkah pencegahan harus difikirkan bagi mengurangkan risiko mendapat mabuk perjalanan ini. Antara ubat yang boleh digunakan adalah daripada kumpulan antihistamin iaitu dimenhidrinat, meclizine, promethazine dan veloxin (gabungan meclizine dan pyridoxine).

Antihistamin berfungsi dengan mempengaruhi pusat muntah di dalam otak apabila ia dapat melakukan gayat dengan mempengaruhi otak dan telinga dalam. Ubatan ini perlu diambil sekurang-kurangnya 10 minit sebelum anda memulakan perjalanan.

Antihistamin boleh memberikan kesan mengantuk. Oleh itu, anda dinasihatkan tidak memandu atau menggunakan mana-mana alat atau mesin untuk mengelakkan

sebarang kemalangan yang tidak diingini berlaku. Perlu diingatkan bahawa, ubatan untuk merawat mabuk perjalanan ini adalah tidak sesuai untuk digunakan kanak-kanak yang berumur bawah dua tahun. Label berkaitan larangan ini boleh didapati pada bekas ubat terbabit.

Sebelum mengambil sesuatu ubat, sebaiknya anda membaca arahan penggunaan ubat dengan terperinci pada bekas atau risalah ubat yang dibekalkan. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi terutama berkaitan dengan dos yang sesuai mengikut usia anak anda. Bagi kanak-kanak, ibu bapa dinasihatkan sentiasa awasi gejala mabuk perjalanan pada anak mereka sewaktu dalam perjalanan. Sekiranya mereka mula meragam, gelisah, berpeluh walaupun suhu sejuk, berasa loya dan akhirnya muntah, anda

boleh mempertimbangkan beberapa kaedah alternatif untuk mengurangkan masalah ini. Antaranya adalah dengan tidak memberi anak anda makan dengan banyak sebelum dan ketika perjalanan, pastikan anak anda duduk menghadap ke arah hadapan kenderaan yang sedang bergerak, pilih waktu tidur anak yang sesuai untuk memulakan perjalanan, kurangkan penggunaan baruman yang boleh mengganggu rehat sebentar selepas tiga hingga empat jam perjalanan.

Awasi juga sebarang kesan sampingan yang dialami selepas anda mengambil ubat-ubatan daripada kumpulan antihistamin ini. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan seperti sakit kepala, telinga berdekung, gangguan gastro-usus, penglihatan kabur, mulut kering dan

sebagainya. Anda juga boleh melaporkan sebarang kesan sampingan lain yang membimbangkan anda atau kesan advers ubat yang anda alami kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Kebangsaan. Kesimpulannya, matlamat utama dalam mengatasi keadaan mabuk perjalanan ini adalah untuk mengurangkan ketidakselesaan yang disebabkan oleh rasa mual dan muntah serta mencegah dehidrasi lalu kehilangan air dan garam galian daripada tubuh badan kesan daripada muntah yang berlaku.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan ubat-ubatan, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan di talian 1800-88-6722.

Diedit oleh Hazlin Syafinar Hussain (Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis)

HATI-HATI UBAT JERAWAT BOLEH CETUS ALAHAN

UBAT

Semua orang menginginkan kulit wajah yang licin tanpa jerawat. Namun, ramai pula yang mempunyai masalah jerawat terutama remaja. Jerawat boleh dirawat berdasarkan tahap keturutan yang ditemukan menggunakan sistem Comprohensive Acne Severity Scale (CASS).

Pemberian ubat sapuan traumatisa disebut topikal adalah kaedah utama bagi jerawat jenis ringan dan sederhana. Kaedah lain membolehkan pengambaran antibiotik secara disapu atau dimakan untuk tempoh rawatan tidak melebihi enam bulan.

Perkara paling asas menggunakan ubat berberuk topikal adalah mencuci tangan sebelum dan selepas menyapu ubat. Selain itu, pastikan ubat tidak disapu di kawasan berbekatan mata dan bibir kerana boleh menyebabkan iritasi kulit di kawasan itu. Ubat sapuan benzoyl peroxide kerap menjadi

pilihan untuk rawatan jerawat jenis ringan. Ubat ini perlu disapu di atas jerawat sebanyak satu hingga dua kali sehari. Bagi mereka yang kali pertama menggunakan ubat ini, sapu sedikit terlebih dahulu di kawasan kecil kulit berjerawat.

Jika penggunaan ubat sapuan ini selama tiga hari tidak menimbulkan iritasi pada kulit, anda boleh menggunakan ubat ini untuk disapu ke atas jerawat yang lain. Awak ketika menyapu ubat ini supaya tidak terbita rambut atau pakatan kerana ia boleh membentuk warna.

Seterusnya ialah ubat sapuan Tretinoin. Ia digunakan sekali dalam sehari sebelum tidur. Ubat ini tidak boleh digunakan oleh pesakit yang mengandungi atau mempunyai anak. Biasanya, penggunaan ubat ini memerlukan pengawasan daripada doktor atau ahli farmasi.

Sepanjang tempoh rawatan, tidak boleh dedah kepada sinaran matahari. Rawatan menggunakan ubat ini mengambil masa dua hingga tiga bulan

untuk menampilkan keberkesanan rawatan. Jika pesakit mengalami alahan terhadap kedua-dua ubat tersebut tadi, ubat sapuan dengan kekerapan sapuan sekali sehari pada waktu malam selepas mencuci muka. Penggunaan ubat ini mengambil masa dua hingga tiga kali bulan untuk menampilkan hasil. Oleh itu, pesakit perlu mematuhi tempoh rawatan dan tidak cepat berputus asa.

Bagi masalah jerawat jenis sederhana, doktor yang merawat akan menggunakan dua jenis ubat sapuan dalam satu masa atau kombinasi penggunaan ubat sapuan dan antibiotik jenis oral. Antara antibiotik yang biasa digunakan ialah Tetracycline, Doxycycline dan Erythromycin.

Antibiotik juga hanya



boleh diberikan melalui preskripsi daripada doktor yang merawat. Antibiotik perlu diambil mengikut arahan doktor untuk mencapai kesan teraputik optimum. Antibiotik yang diberikan perlu dihaluskan kecuali merujuk arahan sebaliknya daripada doktor.

Meskipun banyak produk rawatan jerawat dalam pasaran, pengimajinasiannya berbeza-beda. Pastikan produk berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan jangan terpengaruh dengan testimoni semata-mata.

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan sesuatu produk. Bagi memastikan sesuatu produk berdaftar atau berototifikasi dengan pejabat Kementerian, semakan boleh dibuat melalui laman

web www.bpfk.moh.gov.my atau menggunakan aplikasi MediQuest yang boleh dimuat turun menggunakan telefon pintar.

Jerawat boleh diubati jika mendapatkan rawatan yang betul. Jangan malu mendapatkan pemeriksaan di klinik kesihatan.

Kepatuhan pesakit terhadap rawatan boleh menyelesaikan masalah jerawat yang dihadapi.

Sekiranya anda memerhatikan maklumat lanjut berkaitan ubat-ubatan, rujuklah kepada ahli farmasi berdekatan dengan anda atau hubungi Pesar Panggilan Farmasi Kebangsaan (1800-88-6722).

Diselamatkan Adorofloush
Ahmad (Pegawai Farmasi
Klinik Kesihatan Wajayah
Persekutuan Labuan)

BAHAYA SALAH GUNA PRODUK PENCERAH KULIT

UBAT

Produk pencerah kulit semakin mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia. Permintaan terhadap produk ini sangat tinggi dalam kalangan wanita. Ini kerana, mereka inginkan kulit dan wajah cerah, berseri, menawan serta bebas jerawat dan jerawat parut.

Antara produk panas dan menjadi perhatian ramai serta dijual secara terbuka melalui media sosial, Internet dan blog adalah asid Tranexamic. Produk ini sejenis ubat untuk merawat masalah pendarahan yang tidak terkawal. Ia boleh

didapati dalam bentuk kapsul dan suntikan, oleh itu pengguna perlu tahu indikasi sebenar penggunaan ubat ini dan kesan buruk sebelum menggunakannya.

Produk ini disalahgunakan bagi tujuan mencerahkan kulit. Golongan yang tidak bertanggungjawab menabur hujah dan fakta palsu bahawa produk asid Tranexamic yang dijual oleh mereka berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM). Bagi pengguna yang terdesak dan ingin cantik semata-mata tanpa memperdulikan risiko dan bahaya, akan mudah percaya

tertipu dengan kenyataan palsu itu. Kosmetik berbeza dengan ubat kerana ia ditakrifkan sebagai bahan atau persediaan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh manusia seperti kulit, rambut, kuku, bibir, gigi dan rongga mulut. Ia berfungsi untuk membersihkan, merawat, memperbaiki atau mengembalikan penampilan.

atau menarikkan, menghilangkan bau badan atau memelihara dan menjaga dalam keadaan yang baik. Oleh itu, produk suntikan bukan produk kosmetik seperti yang diuar-tarkan oleh penjual.

Asid Tranexamic dikategorikan sebagai UBAT TERKAWAL. Mengikut peruntukan undang-undang, hanya doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang boleh membekalkannya dengan kehadiran preskripsi. Asid ini hanya diberikan kepada pesakit untuk tujuan rawatan mengikut dos disyorkan dan indikasi yang sesuai.

Pengambilan asid Tranexamic tanpa pengawasan doktor, mendedahkan pengguna kepada risiko dan komplikasi ubat yang serius, antaranya pembentukan darah beku dalam salur darah. Darah

beku seterusnya boleh tersumbat pada salur darah di otak dan jantung yang akan menyebabkan serangan angin ahmar atau serangan jantung termasuk mengundang maut.

Asid Tranexamic juga tidak boleh diambil oleh ibu hamil, pesakit berkaitan pembekuan darah dalam badan dan mereka mempunyai masalah kerosakan buah pinggang. Penjualan asid Tranexamic tanpa lesen sah satu kesalahan yang boleh didakwa mengikut Seksyen 13 (a) Akta Racun 1952.

Aduan berkenaan penjualan dan promosi asid Tranexamic

untuk tujuan kosmetik boleh dilaporkan kepada Bahagian Pengatuksaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia di talian 03-7841 3200 / 3320.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan ubat-ubatan, rujuk kepada ahli farmasi berdekatan anda atau hubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan di 1800-88-6722.

Disediakan oleh Pusat Maklumat Ubat dan Racun, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

PILIHAN UBAT UNTUK MERAWAT KETUAT

UBAT

Ramail rasa tidak sedesa dan gatal untuk memotong atau membuang ketuat pada tubuh. Adakah itu cara terbaik untuk merawat ketuat dan apakah ketuat sebenarnya?

Ketuat sejurus pertumbuhan kecil disebabkan satu daripada lebih 100 jenis Human Papilloma Viruses (HPV). Virus ini akan memasuki bahagian kulit melalui luka kecil dan menyebabkan sel-sel kulit di kawasan itu membesar dengan lebih cepat daripada sel kulit lain di sekitarnya.

Ketuat boleh berjangkit kepada orang lain atau merebak ke kawasan anggota badan lain melalui sentuhan. Pengetahuan kesihatan penting untuk mengelak penyebaran ketuat.

Antara langkah bagi menghalang penyebarannya adalah:

- Elakkan members, memotong, menyikat atau mencukur kawasan yang berketuat.
- Elak menggunakan kikir atau pengesip kuku berketuat pada kuku yang sihat.
- Elakkan mengorek ketuat. Jika sukar mengesik daripada menyentuh ketuat itu, balurkan dengan plaster.
- Sentiasa bersihkan tangan selepas menyentuh ketuat.

Jenis-jenis ketuat

Contoh ketuat seperti ketuat biasa (common wart), ketuat tapak kaki (plantar warts), ketuat leper (flat warts) dan ketuat alar sulit (genital warts). Ketuat akan muncul di tangan dan lutut.

Ketuat tapak kaki menyebarkan pesakit tidak sedesa atau sakit apabila berjalan. Ketuat kaki ini biasanya tidak akan kelihatan berbeza dengan ketukanan yang dikenali ketika pesakit berjalan.

Ketuat leper pada kasar apabila disentuh dan mempunyai permukaan

atas yang leper. Ia berwarna seperti kulit menyebabkan pesakit menganggap ia parasit mahupun tahi lalat. Ketuat leper boleh berkuat di muka, tangan dan tulang kering pada kaki.

Ketuat alat sulit pula muncul pada kawasan antara anus dan kemaluan. Ketuat ini berlaku akibat penyebaran virus daripada bahagian badan yang berketuat atau daripada individu lain yang mempunyai ketuat.

Rawatan bagi ketuat

Rawatan biasanya diperlukan bagi ketuat yang besar, merebak atau tumbuh lebih daripada dua tahun, manakala kaedah rawatan yang berbeza akan memberikan tidak balas yang berlainan.

Lokasi ketuat perlu diambil kira bagi menentukan rawatan. Contohnya, ketuat muka tidak sesuai dirawat menggunakan cal ketuat (podophyllum paint) kerana menyebarkan kerengsaan dan meninggalkan parut kekal.

Selain itu, ketuat yang dibuang sekuatnya tidak meninggalkan sebarang parut.

Tamabah pada proses pembuangan ketuat menyasarkan imuniti yang lama terhadap jangkitan ketuat yang seterusnya

Ubat yang biasa digunakan
Salap asid salisilik menjadi pilihan utama dalam senarai rawatan ketuat. Digunakan bagi merawat ketuat pada tapak kaki. Salap ini mempunyai bahan aktif yang memusnahkan lapisan kulit yang terjejas oleh virus HPV. Salap ini murah.

memotong kesan sampanan minimum dan mudah dibeli di farmasi komuniti. Keamatan antara 17 hingga 40 peratus dan kepekaan lebih tinggi digunakan pada bahagian kulit yang tebal. Cara penggunaannya dengan merendam bahagian badan berketuat di dalam air selama 10 hingga 15 minit sebelum menggosoknya dengan papam emeri, ketras pasir atau batu pumil.

Selapas itu, pesakit boleh menyapu salap di kawasan berketuat. Langkah ini perlu diulangi satu atau dua kali sehari selama 12 minggu. Selapas ketuat itu hilang, menyapu salap satu atau dua minggu lagi mampu menghalang ketuat muncul semula.

Kaedah kedua menggunakan cal podophyllum 10 hingga 20 peratus bagi merawat ketuat luar genital. Perlu berhati-hati menggunakan ubat ini kerana ia ber toksik dan mendatangkan bahaya jika terlanjur.

Untuk mengelakkan

kecedahan pada kawasan sekitar ketuat, ubat sapu jeli petroleum keding ketuat. Titiskan dua hingga tiga titis cal podophyllum pada ketuat dan sapu menggunakan putik kapas.

Haruskan selama enam jam sebelum kawasan itu dibasuh. Pastikan cal ini tidak meleleh atau merebak ke kawasan lain bagi mengelakkan berakunya keracunan. Ulangi tiga hari berturut-turut diikuti dengan empat hari 'rehat' bagi satu kitaran. Jumlah dua hingga empat kitaran diperlukan bagi merawat ketuat seperti ini.

Jika ubat-ubatan dinyatakan gagal menangani masalah ketuat, ia boleh dibuang melalui pembalakan atau rawatan laser. Namun begitu, disebabkan kemungkinan kesan parut yang dihasilkan, langkah ini kurang menjadi pilihan. Selain itu, penggunaan cecair nitrogen juga boleh membantu membuang ketuat. Namun kaedah ini hanya atas nasihat doktor.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1 800-88-6722.

Disediakan oleh Rosliff Md Zin (Pegawai Farmasi U.F.08, Hospital Melaka)



PENGAMBILAN UBAT-UBATAN G6PD

UBAT

Ramal ibu bapa risau apabila mengetahui anak mereka mengambil pesakit kekurangan enzim Glucose-6-phosphate dehydrogenase (G6PD). Sebetulnya apakah pesakit ini dan adakah ia berbahaya?

G6PD adalah sejenis enzim di dalam sel darah merah. Fungsinya untuk menstabilkan membran sel darah merah. Paras enzim G6PD yang rendah adalah pesakit bawaan genetik yang diwarisi oleh bapa atau ibu yang membawa alel X-kromosom.

Oleh itu, kebanyakan pesakit yang mempunyai kekurangan enzim G6PD adalah lelaki, manakala perempuan pula biasanya adalah pembawa.

Kekurangan enzim G6PD adalah keadaan umum hidup dan tiada rawatan khas dapat menyembuhkan G6PD kerana rawatan biasanya tidak diperlukan sekiranya penghidap tidak menunjukkan sebarang komplikasi yang lebih buruk.

Pesakit kekurangan enzim G6PD amat mudah mengalami keadaan kekurangan sel darah merah atau dikenali juga sebagai

anemia apabila mereka terdedah kepada ubat-ubatan tertentu, makanan dan bahan Apidola terdedah kepada unsur ini, pemecahan sel darah merah akan dikenali juga sebagai hemolisis akan berlaku seterusnya menyebabkan anemia.

Pada kebanyakannya, kebanyakan pesakit yang mempunyai kekurangan enzim G6PD jarang menunjukkan sebarang gejala atau komplikasi. Jika berlaku hemolisis anemia atau krisis sel darah merah pecah, dapatkan rawatan di hospital dengan segera.

Antara gejala pesakit anemia adalah seperti sesak nafas, pucat, sakit dada, tidak berdaya, pening, degupan jantung yang laju, pesakit kencing (jaundice) dan pembesaran limpa.

Semua bayi baru lahir akan disaring untuk mengenal pasti pesakit kekurangan enzim G6PD dengan menggunakan darah daripada tali pusatnya. Bayi baru lahir yang dikecualikan mempunyai kekurangan enzim G6PD perlu diperhatikan di dalam wad untuk suatu jangka masa tertentu kerana mereka boleh mendapat pesakit kencing

(jaundice) yang serius dengan cepat, akibat daripada hemolisis berlebihan.

Paras bilirubin pada tahap tertentu boleh memindahkan toksin ke otak dan menyebabkan risiko terencat akal. Bayi yang mendapat pesakit kencing (jaundice) perlu diberikan di bawah lampu (fototerapi) untuk menurunkan tahap bilirubin dalam darah.

Bagaimanapun ibu bapa tidak perlu terlalu risau kerana keadaan kekurangan enzim G6PD biasanya tidak menimbulkan perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak.

Pesakit yang menghidap kekurangan enzim G6PD perlu mengelakkan bahan yang boleh menyebabkan sel darah merah pecah. Antara contohnya adalah elakkan perkat yang berkilau tinggi seperti makan kacang

panjang, terdedah kepada ubat-ubatan, mengambil sebarang antibiotik yang mengandungi sulfa, ubat tradisional, ubat anti-malaria, udara yang mengandungi bahan kimia dan ubat nyamuk yang mengandungi pyrethrin.

Ada ubatan alternatif yang selamat dan boleh digunakan oleh pesakit kekurangan enzim G6PD dalam rawatan

penyakitnya. Namun, semua ubat yang diambil harus atas nasihat doktor atau ahli farmasi. Selain itu, pesakit kekurangan enzim G6PD dinasihatkan untuk memaklumkan kepada doktor setiap kali sebelum menerima apa-apa rawatan di hospital atau klinik.

Kebanyakan pesakit kekurangan enzim G6PD menerima ubat yang boleh menyembuhkan hemolisis akut atau syok mengalami gejala hemolisis, pesakit hendaklah berhenti ambil ubat itu serta merta dan mendapatkan rawatan daripada doktor segera. Dalam keadaan hemolisis akut yang serius, pertolongan darah mungkin akan diberikan. Namun, ibu bapa juga perlu tahu bahawa apabila ubat atau makanan diberikan, proses hemolisis akan berhenti dan pemulihan secara spontan berlaku. Kesamplingsan berpagelangan dan berterusan jarang berlaku.

Selain menjaga pemakanan, ibu yang menyusukan bayi yang kekurangan enzim G6PD pula perlu berhati-hati kerana ada juga ubat yang

diambil boleh memusnahkan susu ibu. Walaupun begitu, tidaklah bermakna itu ini tidak boleh menyusukan bayi mereka, mereka hanya perlu berhati-hati dahulu dengan doktor atau ahli farmasi agar jenis ubat yang sesuai diberikan.

Pesakit yang mengalami pesakit kekurangan enzim G6PD boleh menjalani kehidupan secara normal dengan mengambil perhatian yang serius terhadap diet dan ubat. Pesakit digalakkan untuk berhubung dengan doktor atau pegawai farmasi terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang ubat untuk memastikan ubat yang diterima selaras untuk pesakit dan tidak akan menyebabkan hemolisis berlebihan berlaku.

Sebarang portlanam lanjut berkaitan ubat-ubatan, pesakit atau orang awam boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) melalui talian 1 800-88-6722.

Disediakan oleh Melinda Kiam, Pegawai Farmasi Hospital Queen Elizabeth, Suboh

